

3

Tinjauan Ekonomi Antarabangsa

Tinjauan Keseluruhan

Kadaan ekonomi dan kewangan global telah bertambah baik, selepas dua tahun pergolakan ekonomi dan kewangan melanda pasaran-pasaran baru muncul dan ekonomi dunia mengalami pertumbuhan perlahan dengan ketara. Pertumbuhan negara-negara perindustrian disokong oleh peningkatan permintaan dalam negeri berikutan dasar-dasar yang bersesuaian, inflasi yang rendah, pasaran ekuiti yang rancak dan guna tenaga yang meningkat di ekonomi-ekonomi tertentu. Ini juga mengurangkan kesan kejutan luaran akibat daripada krisis kewangan di ekonomi-ekonomi baru muncul. Rangsangan kewangan dan fiskal telah membantu menjana pertumbuhan permintaan di ekonomi-ekonomi baru muncul Asia, membolehkan pemulihan ekonomi lebih kukuh dari yang dijangkakan. Pasaran kewangan telah reda dan aliran modal telah kembali semula ke beberapa ekonomi pasaran baru muncul. Kelembapan ekonomi di Russia dan Brazil telah terkawal. Harga minyak antarabangsa telah pulih daripada paras rendah yang dicatat pada akhir tahun 1998, sementara kejatuhan harga beberapa komoditi lain telah juga dapat dibendung. Pada tahun 1999, **pengeluaran dunia** dijangka meningkat kepada 3% daripada 2.5% pada tahun 1998. Negara-negara maju dijangka mencatat kadar pertumbuhan 2.8% pada tahun 1999 (1998: 2.2%), sementara negara-negara membangun dijangka beransur pulih daripada kemerosotan ketara pada tahun 1998 untuk mencapai pertumbuhan 3.5% (1998: 3.2%). Sementara itu, pertumbuhan di negara-negara peralihan dijangka kembali positif sebanyak 0.8% daripada penguncupan 0.2% pada tahun 1998.

Inflasi dunia telah menurun ke paras terendah dalam tempoh 40 tahun kepada 5% pada tahun

1999 (1998: 5.8%). Di negara-negara maju, inflasi terus susut dan dijangka turun sedikit kepada 1.4% pada tahun 1999 daripada 1.5% pada tahun 1998. Sementara itu, inflasi di negara-negara membangun dijangka menurun dengan ketara kepada 6.7% (1998: 10.3%). Walau bagaimanapun, negara-negara peralihan dijangka terus mengalami peningkatan kadar inflasi kepada 39.3% (1998: 20.9%) berikutan kesan kenaikan harga disebabkan kelemahan kadar pertukaran.

Pertumbuhan Perdagangan Dunia

Permintaan dalam negeri yang lemah di negara-negara yang mengalami krisis serta pertumbuhan rendah di beberapa negara perindustrian utama dan lebih kapasiti akan terus mengekang pertumbuhan **perdagangan global** kepada 3.7% pada tahun 1999 (1998: 3.6%). Import negara-negara maju dijangka berkembang perlahan sebanyak 5.9% (1998: 4.8%) dengan Amerika Syarikat terus menguasai sejumlah besar import, termasuk daripada Asia. Dengan kedudukan ekonomi Jepun yang semakin cerah dan pertumbuhan ekonomi Eropah yang terus mantap, arah aliran import dijangka beransur naik dengan sederhana. Sebaliknya, eksport negara-negara maju dijangka merosot kepada 3% (1998: 3.3%).

Import negara-negara membangun dijangka meningkat sedikit kepada 1.1% setelah mengalami penguncupan 1.3% pada tahun 1998. Eksport dijangka merosot kepada 2.4% (1998: 4.9%). Pemulihan ekonomi Asia akan memacu peningkatan ketara **pertumbuhan import**. Eksport dijangka terus kukuh didorong oleh peningkatan daya saing yang terus mapan, harga komoditi yang terkawal dan permintaan daripada Amerika Utara yang berterusan. Sebaliknya, masalah ekonomi yang dihadapi oleh Russia dan Brazil

khususnya, akan membawa kesan negatif ke atas perdagangan di kalangan dan di antara mereka dengan negara-negara jiran.

Aliran Kewangan Antarabangsa

Aliran modal swasta bersih (merangkumi pelaburan langsung bersih, pelaburan portfolio bersih dan lain-lain aliran pelaburan jangka pendek dan jangka panjang bersih) ke ekonomi-ekonomi pasaran baru muncul dijangka berada pada paras yang rendah sebanyak AS\$68.3 bilion pada tahun 1999 (1998: AS\$66.2 bilion), iaitu satu per tiga daripada paras tertinggi yang dicapai pada dekad ini berjumlah AS\$214 bilion pada tahun 1996. Kini terdapat tanda-tanda bahawa keyakinan terhadap pasaran-pasaran baru muncul kembali pulih dan aliran modal swasta dijangka meningkat kepada AS\$118.5 bilion dijangka pada tahun 2000, walaupun institusi-institusi kewangan terus berhati-hati berikutan krisis kewangan baru-baru ini dan masalah pepijat alaf (Y2K) yang mungkin menghadkan kemasukan peminjam-peminjam ke dalam pasaran.

Aliran modal bersih ke ekonomi-ekonomi baru muncul di Asia, dijangka terus negatif di sekitar AS\$30 bilion pada tahun 1999 iaitu lebih baik berbanding aliran negatif sebanyak AS\$44.3 bilion pada tahun 1998. Aliran keluar walau bagaimanapun, diramal akan mengimbangi aliran masuk pada tahun 2000. Aliran masuk bersih ke **Amerika Latin** dijangka merosot kepada AS\$47.2 bilion pada tahun 1999 (1998: AS\$73.8 bilion), tetapi melonjak pada tahun 2000 kepada AS\$63 bilion.

Pelaburan asing langsung dunia meningkat sebanyak 39% pada tahun 1998 berjumlah AS\$644 bilion. Ianya dijangka kekal sebagai sumber utama aliran modal swasta ke pasaran-pasaran baru muncul pada tahun 1999. Kenaikan ini disebabkan peningkatan ketara aktiviti penggabungan dan pengambilalihan syarikat di kalangan negara-negara maju. Aliran pelaburan asing langsung ke negara-negara membangun merosot daripada AS\$173 bilion pada tahun 1997 kepada AS\$166 bilion pada tahun 1998 dan dijangka terus merudum kepada AS\$103 bilion pada tahun 1999 berikutan pelaburan langsung yang lebih perlahan di China dan Brazil.

Aliran pelaburan asing langsung ke **Asia Timur, Asia Selatan dan Asia Tenggara** pada tahun

1998 mencatat sebanyak AS\$77.3 bilion berbanding AS\$88 bilion pada tahun 1997. Momentum pertumbuhan pelaburan asing langsung ke kebanyakan negara Asia Selatan, khususnya India, tidak dapat dikekalkan pada tahun 1998. Krisis kewangan telah membawa kesan yang ketara ke atas aliran pelaburan asing langsung ke beberapa negara Asia Tenggara. Ini terbukti dengan aliran masuk ke Malaysia, Singapura dan Indonesia yang berkurangan daripada AS\$19.5 bilion pada tahun 1997 kepada AS\$10.5 bilion pada tahun 1998. Sebaliknya kemajuan penggabungan dan pengambilalihan syarikat telah menghasilkan aliran masuk modal yang tinggi ke **Thailand** sebanyak AS\$7 bilion berbanding AS\$3 bilion pada tahun 1997.

Korea mencatat jumlah pelaburan asing langsung yang terbesar sebanyak AS\$5.1 bilion pada tahun 1998 (1997: AS\$2.8 bilion) berikutan dasar pelaburan asing yang lebih liberal dan penjualan aset korporat. **China** menerima lebih separuh daripada jumlah pelaburan asing langsung di rantau Asia pada tahun 1998 sebanyak AS\$45.5 bilion. Walau bagaimanapun, pelaburan langsung di China dijangka merosot kepada AS\$30-AS\$35 bilion pada tahun 1999.

Aliran masuk pelaburan asing langsung ke **Amerika Latin** dan **Caribbean** melebihi AS\$71 bilion pada tahun 1998 meningkat 5% berbanding tahun 1997. Aliran modal swasta ke **Brazil** meningkat sebanyak 53% atau AS\$29 bilion. Aliran pelaburan asing langsung ke **Persekutuan Russia** jatuh mendadak kepada AS\$2 bilion pada tahun 1998 berbanding AS\$6 bilion pada tahun 1997 berikutan sentimen yang lemah terhadap dasar ekonomi makro negara tersebut. Walau bagaimanapun, aliran masuk pelaburan asing langsung ke negara-negara lain di **Eropah Tengah dan Timur**, meningkat kepada AS\$16 bilion daripada AS\$13 bilion pada tahun 1998, berikutan kembalinya keyakinan ahli-ahli perniagaan mengenai prospek bagi kebanyakan negara tersebut untuk mencapai persetujuan dengan Kesatuan Eropah mengenai isu keahlian.

Pasaran Kewangan

Di pasaran kewangan negara-negara perindustrian, kadar faedah jangka panjang telah meningkat dengan ketara pada tahun 1999. Kadar pulangan bon Kerajaan Amerika Syarikat (AS)

kekal sehingga bulan Jun berikutan kebimbangan bahawa pertumbuhan yang terus kukuh akan menjurus kepada pengetatan kadar faedah. Lanjutan itu, kadar faedah persekutuan dinaikkan dua kali sebanyak 25 mata asas setiap satu dalam bulan Jun dan Ogos 1999 kepada 5.25% dan kadar diskaun pula dinaikkan sebanyak 25 mata asas kepada 4.75%. Kadar faedah jangka panjang juga dinaikkan di Jerman dan Perancis melebihi 100 mata asas kepada sekitar 5.00%, selaras dengan kenaikan kadar faedah AS dan pengukuhan kegiatan ekonomi di kawasan euro. Sementara di United Kingdom, kadar faedah jangka pendek telah dinaikkan pada bulan September 1999 sebanyak 0.25 mata peratusan kepada 5.25% bertujuan mengekalkan inflasi di bawah paras yang ditetapkan iaitu 2.5%. Pasaran ekuiti mencecah paras tertinggi pada pertengahan bulan Julai, sehingga mencapai beberapa paras tertinggi baru tetapi kemudiannya terus merosot. Di pasaran pertukaran asing, nilai yen meningkat dengan ketara sejak pertengahan bulan Julai sehingga pertengahan bulan Ogos dan diikuti oleh kenaikan nilai euro yang lebih sederhana. Kenaikan ini disebabkan tanggapan bahawa aktiviti ekonomi di Jepun dan kawasan euro akan menjadi lebih kukuh berbanding Amerika Syarikat.

Di **pasaran kewangan Asia**, kadar faedah jangka pendek telah jatuh ke paras sebelum krisis pada akhir bulan Ogos kecuali di Indonesia yang mana ia kekal pada paras bulan Julai 1997. Di Hong Kong SAR, Korea dan Singapura, kadar faedah jangka pendek agak tetap sejak bulan April, manakala peningkatan kadar faedah jangka panjang adalah lebih besar di Korea. Di pasaran tukaran asing, nilai rupiah Indonesia meningkat kukuh sejak awal tahun 1999, mencerminkan kemajuan langkah-langkah pembaharuan ekonomi, tetapi nilainya mula susut disebabkan masalah-masalah di sektor perbankan. Kenaikan nilai won Korea dihadkan berikutan campur tangan Kerajaan dan kesukaran yang dihadapi oleh sektor korporat. Pasaran ekuiti meningkat kukuh mulai bulan Januari sehingga akhir bulan Julai 1999 dengan peningkatan terbesar di China (140%), Indonesia (80%) dan Korea (75%). Semenjak itu, harga ekuiti di semua pasaran telah jatuh, sebagai salah satu respon terhadap kenaikan kadar faedah di Amerika Syarikat. Di **pasaran-pasaran baru** muncul, sentimen semakin baik sehingga bulan Mei 1999, tetapi menjadi lemah sedikit disebabkan kebimbangan ke atas kadar faedah yang tinggi di Amerika Syarikat. Aliran kasar kewangan telah

berkurangan dan prospek peminjam-peminjam bertaraf rendah di pasaran baru muncul untuk mendapatkan pinjaman dari pasaran modal dijangka terus tidak menggalakkan bagi tempoh seterusnya tahun 1999.

Kedudukan Ekonomi Negara-negara Perindustrian

Ekonomi Amerika Syarikat (AS) berkembang lebih kukuh daripada jangkaan dan kini memasuki tahun kesembilan pertumbuhan yang mantap. Pengeluaran dipacu terutamanya oleh permintaan dalam negeri yang kukuh, khususnya pelaburan perniagaan dan penggunaan isirumah, disokong oleh harga ekuiti yang memberangsangkan. Perbelanjaan penggunaan dalam negeri benar menunjukkan kekuatan yang luar biasa berpunca daripada pertumbuhan pendapatan yang pesat, peningkatan kekayaan serta penurunan kadar faedah pada tahun 1998 dan awal tahun 1999. Pasaran pembinaan premis kediaman dan perumahan terus kukuh, sementara pasaran hartanah agak ketat. Walau bagaimanapun, momentum pertumbuhan ekonomi AS menjadi lebih perlahan pada tahun 1999 disebabkan pelaburan perniagaan yang berkurangan kerana penggunaan kapasiti yang rendah di sektor pembuatan, pembinaan rumah kediaman yang merosot dan perbelanjaan yang sederhana berikutan kesusutan kekayaan dan kenaikan kadar faedah. Pertumbuhan KDNK benar pada tahun 1999 dijangka perlahan sedikit kepada 3.7% (1998: 3.9%).

Walaupun pasaran buruh adalah **ketat**, perkembangan inflasi di AS adalah bercampur-campur. Secara umumnya peningkatan produktiviti buruh dan pertumbuhan kapasiti pembuatan telah berjaya membendung kenaikan harga. Inflasi pada tahun 1999 dijangka meningkat kepada 2.2% (1998: 1.6%).

Aktiviti ekonomi yang kukuh di AS telah menyebabkan pasaran buruh yang **ketat**, mengurangkan kadar pengangguran kepada 4.3% pada separuh pertama tahun 1999, paras terendah dalam tempoh hampir 30 tahun. Permintaan terhadap buruh terus tinggi khususnya di sektor perkhidmatan dengan kekurangan buruh dialami secara meluas di sektor pembinaan, komputer dan teknologi maklumat, perdagangan runcit dan pertanian. Walau bagaimanapun, guna tenaga

dan upah di sektor pembuatan mula menurun sejak tahun 1998 berikutan permintaan eksport yang lemah. Kadar pengangguran pada tahun 1999 dijangka turun sedikit kepada 4.3% (1998: 4.5%).

Defisit akaun semasa AS meningkat pada tahun 1998. Berikutan krisis kewangan di pasaran baru muncul, permintaan ke atas eksport AS dijangka merosot disebabkan permintaan daripada rakan dagangan utama di Asia serta Amerika Latin dan Jepun terus lemah. Lanjutan daripada itu, defisit akaun semasa AS pada tahun 1999 dijangka terus meningkat dan mencapai AS\$316 bilion atau 3.5% daripada KDNK (1998: - AS\$221 bilion atau 2.6% daripada KDNK).

Setelah mengalami kemerosotan selama lima suku berturut-turut, terdapat tanda-tanda bahawa kelembapan ekonomi **Jepun** akan berakhir. Ekonomi Jepun telah stabil dan pada suku ketiga, keyakinan perniagaan dan sentimen pasaran telah pulih semula. Pelaburan awam yang besar yang


dilaksanakan sejak suku keempat tahun 1998 berserta keadaan kewangan yang bertambah baik telah menstabilkan permintaan swasta dan menjurus kepada peningkatan pengeluaran. Penguncupan di sektor perumahan telah berakhir, yang mana kadar permulaan pembinaan rumah baru meningkat mulai suku kedua. Pakej fiskal berjumlah 500 juta yen yang diperkenalkan pada pertengahan tahun 1999 dijangka menggalakkan guna tenaga dan program latihan semula. Keadaan kewangan terus longgar di Jepun dengan kadar faedah berada pada paras sifar sejak bulan Mac 1999. Ini menyokong pemberian kredit dan melegakan kekangan kewangan. Untuk mempercepatkan penstrukturan semula sektor kewangan, satu rangkakerja sektor kewangan termasuklah bantuan kewangan kepada institusi-institusi kewangan yang bermasalah telah diwujudkan. Untuk menggalakkan penstrukturan semula korporat, satu pakej cukai dan langkah-langkah pengawalan telah diumumkan pada bulan Julai 1999.

Sungguhpun terdapat sokongan dasar-dasar makro yang berterusan dan permodalan semula bank telah mengurangkan kekangan di sektor kewangan, pelaburan perniagaan tidak dijangka pulih memandangkan syarikat-syarikat masih mempunyai kapasiti yang berlebihan. Keyakinan pengguna juga masih rapuh disebabkan pendapatan isirumah yang terus terjejas akibat pendapatan yang tidak berubah dan pengurangan peluang pekerjaan. Pada tahun 1999, KDNK benar dijangka berkembang sebanyak 1% setelah menguncup 2.8% pada tahun 1998.

Harga pengguna telah menurun dengan mendadak sejak tahun 1998 dan Jepun dijangka mengalami deflasi sebanyak 0.4% (1998: 0.6%). Kedudukan pengangguran di Jepun masih teruk. Langkah penstrukturan semula dan perbelanjaan modal yang terhad oleh syarikat-syarikat akan menyebabkan kadar pengangguran mencecah 5% pada tahun 1999 (1998: 4.1%).

Jumlah eksport merosot sepanjang tahun 1998 dan sebahagian besar tahun 1999 berikutan perdagangan dengan Asia yang lembab. Eksport ke lain-lain destinasi juga perlahan. Walau bagaimanapun, pertumbuhan eksport dijangka terus stabil dengan import beransur meningkat setelah mengalami penguncupan ketara pada tahun 1998. Lebihan akaun semasa dijangka meningkat

Carta 3.1
Negara-Negara Perindustrian -
Petunjuk-Petunjuk Ekonomi Utama



1/ Harga pengguna
Sumber: IMF World Economic Outlook, September 1999
dan sumber-sumber negara.


sedikit kepada AS\$143 bilion atau 3.4% daripada KDNK (1998: AS\$121 bilion atau 3.2% daripada KDNK).

Pertumbuhan ekonomi di kebanyakan negara **Kesatuan Eropah** mula meningkat berikutan kembali pulihnya keyakinan pengguna dan sentimen perniagaan yang semakin baik. Pasaran eksport dijangka pulih secara beransur-ansur berikutan peningkatan import daripada negara-negara yang terjejas oleh krisis. Pertumbuhan KDNK benar dijangka menjadi perlahan dengan purata 2% (1998: 2.7%) dan kadar inflasi menurun sedikit kepada 1.3% (1998: 1.4%). Kadar pengangguran di kawasan Kesatuan Eropah juga terus menurun disebabkan pembaharuan pasaran buruh, termasuk perubahan faedah-faedah yang diterima oleh penganggur, sistem percukaian buruh dan proses penentuan upah serta kelonggaran peraturan perlindungan pekerjaan. Adalah dijangkakan bahawa perjanjian baru mengenai guna tenaga yang diluluskan oleh Majlis Eropah akan menyokong program-program pembaharuan di peringkat kebangsaan dan dengan itu membawa kepada pengurangan paras pengangguran kepada 9.1% (1998: 9.6%).

Di **United Kingdom (UK)**, pengeluaran telah berkembang sebanyak 0.6% pada suku kedua dipacu oleh pertumbuhan penggunaan yang kukuh dan prestasi yang lebih baik di sektor perkhidmatan. Walaupun pertumbuhan penggunaan adalah lebih baik ianya tidak dapat mengimbangi pengurangan ketara eksport bersih dan pelaburan yang lemah, khususnya pelaburan perniagaan swasta. Pertumbuhan dijangka terus meningkat sedikit pada separuh kedua tahun 1999 berikutan pertumbuhan penggunaan yang terus meningkat disebabkan peningkatan permintaan. Pertumbuhan dijangka menjadi perlahan kepada 1.1% (1998: 2.2%) berikutan permintaan dalam negeri yang sederhana dan permintaan luar yang dijangka lemah disebabkan pengukuhan nilai pound sterling.

Inflasi dijangka dibendung pada paras 2.3% (1998: 2.7%) hasil dasar kewangan dan fiskal yang semakin ketat dan nilai pound sterling yang terus kukuh. Perkembangan ekonomi sejak kebelakangan ini berserta dengan daya saing harga yang kuat telah menyebabkan guna tenaga meningkat pantas khususnya di sektor perkhidmatan. Walau bagaimanapun, kadar pengambilan pekerja di sektor pembuatan dijangka turun mendadak dalam tempoh seterusnya tahun

Carta 3.2
Arah Aliran Penentu Ekonomi
Negara-Negara Perindustrian



1/ Angka bagi 1999 adalah anggaran.

2/ Kadar faedah purata yang diwajibkan oleh nilai purata dalam dolar AS.

3/ Kadar purata hasil bon-bon kerajaan.

4/ Sehingga bulan Julai 1999

5/ Akhir tempoh kecuali 1999, sehingga bulan Jun.

Sumber: IMF World Economic Outlook, September 1999 dan laporan-laporan lain

ini dan menyumbang kepada kenaikan kecil kadar pengangguran kepada 4.8% daripada 4.7% pada tahun 1998.

Defisit perdagangan dijangka semakin besar pada tahun 1999, disebabkan kejatuhan ketara jumlah eksport yang dianggarkan berkembang pada kadar hanya 0.4% (1998: 3.1%) berbanding pertumbuhan import 5.3% (1998: 8.4%). Berikutan defisit perdagangan terus meningkat dengan permintaan yang terus lemah di pasaran eksport utama, khususnya Jerman, akaun semasa dijangka mencatat defisit sebanyak AS\$19 bilion atau 1.3% daripada KDNK berbanding lebih banyak AS\$2 bilion atau 0.2% daripada KDNK pada tahun 1998.

Di **Jerman**, kegiatan ekonomi terus perlahan pada separuh pertama tahun 1999 disebabkan permintaan eksport yang lemah ekoran daripada krisis di pasaran-pasaran baru muncul dan kegiatan pelaburan yang tidak berubah. Pelaburan menjadi lembab berpunca daripada ketidaktentuan pembaharuan cukai dan ini telah mengurangkan kesan pertumbuhan dalam penggunaan swasta dan awam. Eksport dijangka pulih pada tahun 1999, berikutan peningkatan dalam pertumbuhan perdagangan dunia, manakala kegiatan pelaburan dijangka bertambah baik berikutan pengukuhan fiskal dan pelaksanaan pakej pembaharuan cukai oleh Kerajaan. Pertumbuhan KDNK dijangka sebanyak 1.4% (1998: 2.3%), mencerminkan kelemahan permintaan luar yang ketara serta permintaan dalam negeri yang perlahan disebabkan kesan tertangguh pengetatan fiskal dan penghabisan inventori oleh syarikat-syarikat.

Walaupun peningkatan cukai tenaga dan upah berserta dengan pertumbuhan produktiviti yang perlahan dijangka menaikkan kos per unit buruh, tekanan inflasi di Jerman adalah rendah dan inflasi harga pengguna dijangka terus dapat dibendung pada paras 0.4% (1998: 0.6%). Sungguhpun guma tenaga mencatat pertumbuhan kukuh pada separuh kedua tahun 1998, ianya dijangka tidak terus meningkat pada tahun 1999 berikutan pertumbuhan KDNK yang perlahan dan pemberhentian pekerja yang meningkat akibat kenaikan upah. Walau bagaimanapun, pengangguran struktural pada tahun 1999 dijangka bertambah baik pada paras 9.1% (1998: 9.4%).

Akaun semasa Jerman telah mencatat defisit selama hampir satu dekad, mencerminkan

Jadual 3.1

**Negara-negara Perindustrian Terpilih —
Petunjuk-petunjuk Ekonomi Utama
(1996-2000)**

	Negara-negara perindustrian	Amerika Syarikat	Jepun	Jerman	United Kingdom
Pertumbuhan KDNK Benar (%)					
1996	3.0	3.4	5.0	0.8	2.6
1997	3.0	3.9	1.4	1.8	3.5
1998	2.4	3.9	-2.8	2.3	2.2
1999 ^a	2.6	3.7	1.0	1.4	1.1
2000 ^a	2.5	2.6	1.5	2.5	2.4
Inflasi¹ (%)					
1996	2.2	2.9	0.1	1.2	3.0
1997	2.0	2.3	1.7	1.5	2.8
1998	1.3	1.6	0.6	0.6	2.7
1999 ^a	1.4	2.2	-0.4	0.4	2.3
2000 ^a	1.7	2.5	0.0	0.8	2.2
Pengangguran (%)					
1996	7.5	5.4	3.3	8.9	7.4
1997	7.2	4.9	3.4	9.9	5.7
1998	6.8	4.5	4.1	9.4	4.7
1999 ^a	6.6	4.3	5.0	9.1	4.8
2000 ^a	6.6	4.5	5.8	8.6	5.3
Imbangan Akaun Semasa (AS\$ bilion)					
1996	49	-129	66	-6	-1
1997	76	-143	94	-1	10
1998	-24	-221	121	-4	2
1999 ^a	-127	-316	143	--	-19
2000 ^a	-118	-325	138	6	-23

¹ Harga Pengguna

^a Anggaran

^u Unjuran

Sumber: IMF World Economic Outlook, September 1999 dan OECD Economic Outlook, Juni 1999.

terutamanya kos penyatuan. Bagi tahun 1999, defisit akaun semasa dijangka mengecil kepada AS\$0.2 bilion, hampir mencecah 0% daripada KDNK (1998: -AS\$4 bilion atau 0.2% daripada KDNK). Pertumbuhan eksport dijangka merosot kepada 0.3% pada tahun 1999 (1998: 6.5%) terutamanya disebabkan pasaran eksport yang lemah, khususnya di Asia dan Russia. Pertumbuhan import dijangka merosot kepada 2.6% pada tahun 1999 (1998: 8%) mencerminkan kegiatan ekonomi yang perlahan.

Ekonomi **Perancis** mencatat pertumbuhan yang lebih perlahan pada separuh pertama tahun 1999 setelah mencatat pertumbuhan terpanjang bagi dekad ini pada tahun 1998. Pengeluaran dijangka berkembang perlahan pada tahun 1999 kepada 2.5% (1998: 3.2%) berikutan kemerosotan pengeluaran perindustrian disebabkan permintaan luar yang lemah. Inflasi dijangka dibendung pada paras 0.5% (1998: 0.7%) hasil daripada peningkatan daya saing harga berikutan pelancaran euro dan liberalisasi secara beransur-ansur pasaran utiliti Kesatuan Eropah.

Di kalangan negara Kesatuan Eropah, pengangguran di Perancis terus berada di paras tertinggi. Di samping permintaan dalam negeri yang meningkat khususnya di sektor perkhidmatan dan pembinaan, kadar pengangguran hanya dijangka turun sedikit kepada 11.3% pada tahun 1999 (1998: 11.6%).

Kelemahan permintaan luar khususnya daripada negara-negara Eropah dijangka mempengaruhiimbangan perdagangan pada tahun 1999 dan 2000. Lebih dagangan dianggarkan berkurangan pada tahun 1999, mencerminkan kemerosotan ketara pertumbuhan eksport sebanyak 1.5% berbanding 6.3% pada tahun 1998. Pertumbuhan import juga dijangka menjunam kepada 2.2% (1998: 7.9%). Bagi tahun 1999, lebih akaun semasa dijangka lebih kecil sebanyak AS\$37 bilion atau 2.6% daripada KDNK (1998: AS\$41 bilion atau 2.8% daripada KDNK).

Kedudukan Ekonomi Negara-Negara Membangun

Pertumbuhan ekonomi negara-negara membangun dijangka meningkat kepada 3.5% (1998: 3.2%) dengan kadar inflasi dijangka menurun kepada 6.7% (1998: 10.3%). Prestasi perdagangan pula dijangka mencatat pertumbuhan yang sederhana pada tahun 1999 berikutan keadaan ekonomi di negara-negara Asia yang beransur pulih dengan eksport mencatatkan pertumbuhan 2.4% (1998: 4.9%) dan import berkembang 1.1% (1998: -1.3%). Defisit akaun semasa dijangka menurun kepada AS\$63.2 bilion berbanding AS\$78 bilion pada tahun 1998.

Ekonomi-ekonomi ASEAN

Setelah mengalami penguncupan mendadak pada tahun 1998, ekonomi-ekonomi ASEAN dijangka mengalami pertumbuhan positif pada tahun 1999. Kedudukan akaun semasa dan rizab antarabangsa telah bertambah baik disebabkan pasaran pertukaran asing yang stabil, keyakinan pengguna yang semakin pulih dan aktiviti industri yang bertambah baik. Keyakinan pasaran yang semakin meningkat ini juga dicerminkan dalam kenaikan semasa yang kukuh petunjuk-petunjuk pasaran saham dari 19% di Filipina kepada 52.3% di Indonesia dalam tempoh antara akhir bulan Disember 1998 dan awal bulan Ogos 1999. Pelaksanaan langkah-langkah sokongan kewangan dan fiskal bertujuan memulihkan pertumbuhan pada keseluruhannya telah berjaya merangsang aktiviti ekonomi. Faktor luaran seperti lonjakan harga minyak, pemulihan ekonomi Jepun serta kekukuhan ekonomi AS yang berterusan telah membantu proses pemulihan. Pada tahun 1999, empat buah negara ASEAN yang paling teruk terjejas oleh krisis iaitu Indonesia, Thailand, Malaysia dan Filipina dijangka mencatat purata pertumbuhan KDNK sebanyak 1.4% (1998: -9.8%).

Tekanan inflasi di negara-negara ASEAN dijangka dibendung pada paras yang rendah dengan nilai-nilai mata wang yang stabil, lebih kapasiti di industri-industri dan pasaran buruh yang lemah. Kadar purata inflasi yang mencapai rekod tertinggi sebanyak 27.7% pada tahun 1998 dijangka menurun dengan ketara pada tahun 1999 iaitu di antara 22.7% (1998: 59.6%) di Indonesia dan 0.5% (1998: 8.1%) di Thailand. Walaupun kedudukan akaun semasa di kebanyakan ekonomi ASEAN terus mencatat lebihan, ia dijangka berkurangan dengan pertumbuhan import pada tahun 1999 berikutan permintaan dalam negeri yang beransur pulih.

Ekonomi **Indonesia** dijangka mulai stabil pada tahun 1999 dengan penguncupan KDNK yang lebih kecil sebanyak 0.8% (1998: -13.7%). Prospek pertumbuhan semakin cerah dengan sentimen pasaran yang bertambah baik, pendapatan dari hasil pertanian yang meningkat dan permintaan pengguna yang semakin pulih. Tekanan inflasi dijangka menurun secara berperingkat pada tahun 1998 mencapai 22.7% (1998: 59.6%) disebabkan kadar faedah yang semakin menurun dan kekangan penawaran yang berkurangan, khususnya bekalan beras yang meningkat berikutan hasil tuaian yang

baik. Dengan pengukuhan nilai Rupiah di sekitar Rp.7,000 hingga Rp.8,000 bagi satu AS\$, akaun semasa luaran dijangka menunjukkan lebihan pada tahun 1999 sebanyak 2.4% daripada KDNK (1998: 4% daripada KDNK). Walaupun dengan perkembangan-perkembangan yang positif ini, pemulihan yang berterusan masih tidak menentu. Pelaksanaan penstrukturan semula sektor kewangan dan korporat yang lembab, keperluan suntikan bantuan asing yang besar, hutang swasta jangka pendek yang besar dan belum diselesaikan, kadar pengangguran yang tinggi dan peningkatan paras kemiskinan merupakan cabaran-cabaran yang masih wujud.

Jadual 3.2

**Negara-negara ASEAN Terpilih
Petunjuk-petunjuk Ekonomi Utama**

	1998	1999 ^a	2000 ^a
Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (%)			
Brunei	1.0	2.5	4.0
Indonesia	-13.7	-0.8	2.6
Filipina	-0.5	2.2	3.5
Singapura	0.3	4.5	5.0
Thailand	-9.4	4.0	4.0
Vietnam	3.5	3.5	4.5
Kadar Inflasi (%)			
Brunei	2	1.0	2.0
Indonesia	59.6	22.7	5.7
Filipina	9.7	8.5	6.0
Singapura	-0.3	0.2	0.6
Thailand	8.1	0.5	2.0
Vietnam	7.7	7.6	6.0
Imbangan Akaun Semasa (% daripada KDNK)			
Brunei	42.9	37.8	41.7
Indonesia	4.0	2.4	0.7
Filipina	2.0	2.2	0.8
Singapura	20.9	21.1	20.4
Thailand	12.8	8.8	5.9
Vietnam	-3.9	-5.0	-3.9

^a Anggaran

^u Unjuran

Sumber: IMF World Economic Outlook, September 1999
ADB Outlook for 1999 and 2000.

Dengan pemulihan pengeluaran pertanian, pertumbuhan yang berterusan di sektor perkhidmatan dan perindustrian yang semakin stabil, ekonomi **Filipina** dijangka mencatat pertumbuhan KDNK yang kukuh sebanyak 2.2% pada tahun 1999 (1998: -0.5%). Dasar kewangan yang berkembang dan suntikan perbelanjaan fiskal yang kuat dijangka meningkatkan permintaan dalam negeri. Keadaan ini jelas dicerminkan oleh pertumbuhan positif industri berorientasi tempatan serta peningkatan berterusan import barangan perantara dan pengguna. Kadar inflasi dijangka meningkat kepada 8.5% (1998: 9.7%) dengan kenaikan harga barang makanan yang perlahan disebabkan oleh peningkatan pengeluaran pertanian. Permintaan luar yang bertambah baik terutamanya untuk barangan elektronik akan membolehkan lebihan dalam imbangan perdagangan pada tahun 1999 sebanyak 2.2% daripada KDNK (1998: 2%).

Ekonomi **Singapura** dijangka mencatat pertumbuhan yang kukuh pada tahun 1999 pada kadar 4.5% (1998: 0.3%) disebabkan terutamanya oleh faktor-faktor luaran seperti ekonomi AS yang kukuh dan pemulihan ekonomi-ekonomi serantau. Pemulihan dalam industri elektronik global serta langkah-langkah dalam negeri untuk mengurangkan kos dan meningkatkan persaingan telah juga menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi Singapura yang kukuh. Sektor pembuatan, perkhidmatan kewangan dan perniagaan juga merupakan pemangkin kepada pertumbuhan. Kadar inflasi dijangka meningkat kepada 0.2% (1998: -0.3%) disebabkan terutamanya oleh harga makanan dan kos pendidikan yang tinggi. Lebihan akaun semasa dijangka terus kukuh mencapai 21.1% daripada KDNK (1998: 20.9%). Walaupun begitu, beberapa risiko masih wujud. Ini termasuk sektor pembinaan yang lemah, kemungkinan bertambahnya pemberhentian pekerja disebabkan oleh penstrukturan semula operasi pengilangan oleh syarikat-syarikat multinasional dan lebihan kapasiti dalam pasaran hartanah. Tambahan lagi, dengan beberapa ketidakpastian luaran termasuk situasi di Indonesia, potensi pertumbuhan untuk jangkamasa dua atau tiga tahun akan datang mungkin terhad.

Setelah mengalami kemelesetan ekonomi yang meruncing dalam tempoh dua tahun kebelakangan ini, ekonomi **Thailand** dijangka menunjukkan pertumbuhan 4% pada tahun 1999 (1998: - 9.4%). Pemulihan ekonomi tersebut jelas terbukti dengan

peningkatan pengeluaran pertanian, jumlah eksport dan penggunaan dalam negeri. Keadaan pasaran kewangan telah bertambah baik dengan penstabilan kadar pertukaran membolehkan dasar kewangan yang longgar. Untuk terus merangsangkan aktiviti ekonomi, Thailand telah melaksanakan pakej fiskal berjumlah AS\$3 bilion yang menyediakan dana bagi membantu perniagaan terutamanya industri-industri kecil dan sederhana. Tarif ke atas 625 produk telah juga dikurangkan. Kadar inflasi dijangka jatuh kepada 0.5% (1998: 8.1%), iaitu kadar terendah dalam tempoh lebih daripada lima tahun. Akaun semasa dijangka terus mencatat lebihan, bersamaan dengan 8.8% dari KDNK (1998: 12.8%). Walaupun begitu, pemulihan yang berkekalan bergantung kepada pelaksanaan pakej rangsangan, tahap pemulihan eksport yang berterusan dan kejayaan menyelesaikan proses penstrukturan sektor korporat dan kewangan.

Ekonomi Negara-negara Asia Timur Laut

Kadar pertumbuhan di China, Korea Selatan, Taiwan dan Hong Kong SAR sebagai satu kumpulan dijangka pulih semula pada tahun 1999 apabila momentum proses pemulihan di negara-negara tersebut terus bertambah. Pemulihan ekonomi ini dibantu oleh keadaan yang stabil di pasaran kewangan, pengukuhan kadar pertukaran, dasar fiskal yang menyokong dan peningkatan keyakinan di dalam negara dan serantau amnya. Pertumbuhan KDNK negara-negara tersebut dijangka berada di dalam lingkungan 1.2% (Hong Kong SAR) dan 6.5% (Korea Selatan). Inflasi dijangka rendah di antara -3.1% (Hong Kong SAR) dan 1% (Taiwan).

China dijangka mencatatkan kadar pertumbuhan yang lebih perlahan sebanyak 6.6% pada tahun 1999 (1998: 7.8%) disebabkan permintaan swasta yang lemah, tekanan deflasi, pengaliran keluar modal dan pengangguran yang tinggi. Harga pengguna dijangka menurun disebabkan sentimen pengguna yang lemah berserta lebihan kapasiti, pengeluaran berlebihan dan peningkatan inventori oleh syarikat-syarikat milik kerajaan. Tekanan deflasi dijangka terus meningkat menyebabkan kadar inflasi merosot dengan ketara sebanyak 1.5% (1998: -0.8%). Pertumbuhan eksport dijangka merosot kepada -1.3% (1998: 3.4%), sementara

Jadual 3.3
Asia Timur Laut
Petunjuk-petunjuk Ekonomi Utama

	1998	1999 ^a	2000 ^a
Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (%)			
China	7.8	6.6	6.0
Hong Kong, SAR	-5.1	1.2	3.6
South Korea	-5.8	6.5	5.5
Taiwan	4.9	5.0	5.1
Kadar Inflasi (%)			
China	-0.8	-1.5	1.5
Hong Kong, SAR	2.6	-3.1	1.0
South Korea	7.5	0.7	2.8
Taiwan	1.7	1.0	1.2
Imbangan Akaun Semasa (AS\$ bilion)			
China	32.6	17.8	13.3
Hong Kong, SAR	1.1	2.5	4.0
South Korea	4.0	3.6	15.2
Taiwan	3.5	6.5	8.3
^a Anggaran			
^a Unjuran			
<i>Sumber:</i> Laporan Negara, IMF World Economic Outlook, September 1999, EIU			

import dijangka mencatat pertumbuhan 2.4%(1998: 3.5%). Oleh itu, lebihan perdagangan diramal mencapai AS\$20.0 bilion pada tahun 1999, iaitu penurunan 54.1% (1998: AS\$43.6 bilion). Imbangan akaun semasa dijangka terus mencatat lebihan yang memberangsangkan walaupun jumlahnya berkurangan kepada AS\$17.8 bilion (1998: AS\$32.6 bilion). Disebabkan rizab antarabangsa yang besar, hutang luar yang sederhana dan pergerakan modal yang dikawal, pengaruh faktor luaran ke atas China adalah terhad.

Di **Korea Selatan**, pemulihan ekonomi yang bermula pada separuh kedua tahun 1998 dijangka berterusan dengan kadar pertumbuhan mencatatkan 6.5% pada tahun 1999 (1998: -5.8%). Pemulihan ekonomi ini disokong oleh kadar pertukaran asing yang kompetitif, kadar inflasi yang rendah dan pengurangan kadar faedah di bawah paras sebelum krisis dan dasar fiskal yang berkembang.

Aliran masuk modal juga meningkat dengan ketara. Sentimen pengguna dan korporat yang tidak menentu, keadaan kredit yang ketat bagi syarikat-syarikat kecil dan nilai won yang stabil dijangka membendung tekanan inflasi pada separuh kedua tahun 1999. Inflasi dijangka mencapai purata 0.7% (1998: 7.5%). Pengangguran terus berada pada paras yang tinggi iaitu 7% (1998: 6.8%) dengan itu mengurangkan permintaan kenaikan gaji. Pemulihan dalaman telah mendapat manfaat daripada keadaan luaran yang positif. Eksport yang pada mulanya dibantu oleh penyusutan nilai won, kini didorong oleh permintaan yang meningkat. Kadar pertukaran asing yang stabil, kadar faedah yang rendah dan paras gaji yang sederhana turut membantu meningkatkan eksport. Pendapatan nilai eksport dijangka meningkat sebanyak 3% kepada AS\$136 bilion pada tahun 1999 sementara import diramal meningkat dengan mendadak sebanyak 22% kepada AS\$114 bilion. Lebihan akaun semasa dijangka mencatat AS\$23.6 bilion atau 5.9% daripada KDNK (1998: AS\$40 bilion atau 12.5% daripada KDNK).

Di **Taiwan**, kejadian gempa bumi yang berlaku baru-baru ini dijangka menjejaskan pertumbuhan dalam jangkamasa pendek dengan ekonomi dijangka tumbuh pada kadar 5% pada tahun 1999 (1998: 4.9%). Kilang-kilang yang menyokong industri elektronik tidak mengalami kerosakan akibat gempa bumi tersebut. Namun demikian, bekalan tenaga elektrik yang tergendala secara meluas dan kerosakan infrastruktur dijangka mengurangkan pengeluaran di sesetengah kilang dalam jangkamasa yang singkat. Inflasi juga dijangka menurun kepada 1% (1998: 1.7%) disebabkan harga komoditi dunia dan permintaan dalam negeri yang lemah. Kesan gempa bumi terhadap industri elektronik boleh mengurangkan kesan positif yang didorong oleh pemulihan

ekonomi serantau ke atas eksport. Eksport dijangka meningkat 7.3% (1998: 0.5%). Import diramalkan meningkat sedikit sebanyak 4% pada tahun 1999 (1998: 3.2%) disebabkan keyakinan pelabur yang rendah ekoran kesan gempa bumi. Pada keseluruhannya, lebihan akaun semasa didorong oleh lebihan dagangan yang dijangka meningkat kepada AS\$6.5 bilion atau 2.3% daripada KDNK (1998: AS\$3.5 bilion atau 1.3% daripada KDNK).

Di **Hong Kong SAR**, kadar pertumbuhan pada tahun 1999 dijangka mencatat 1.2% (1998: -5.1%) apabila ekonomi mulai stabil ekoran kemelesetan yang mendadak akibat krisis kewangan Asia. Tanda-tanda pemulihan ekonomi masih lagi bersifat sementara walaupun perkembangan di pasaran kewangan adalah menggalakkan dengan harga pasaran saham dan hartanah kian pulih. Tekanan ke atas dolar Hong Kong telah berkurangan dan kadar faedah telah menurun hampir kepada kadar aset yang dinilai dalam dolar AS. Faktor-faktor lain yang dijangka turut membantu keadaan ekonomi yang kian pulih termasuklah penurunan yang lebih perlahan jumlah eksport dan runcit, peningkatan sentimen penggunaan dan pelancongan serta penstabilan kadar pengangguran. Harga pengguna yang turun dengan mendadak pada separuh pertama tahun 1999 dijangka mula sederhana pada akhir tahun. Kadar inflasi dijangka negatif pada tahun 1999 mencatat 3.1% (1998: 2.6%). Pertumbuhan eksport dijangka beransur baik dengan mencatat - 1.2% berbanding penguncupan 4.6% pada tahun 1998 disebabkan peningkatan eksport ke beberapa pasaran Asia Timur. Pertumbuhan import dijangka lebih baik sedikit dengan kadar sebanyak - 1.3% (1998: -6.6%) berikutan pengukuhan permintaan dalam negeri. Imbangan akaun semasa dijangka meningkat kepada AS\$2.5 bilion atau 1.5% daripada KDNK (1998: AS\$1.1 bilion atau 0.7% daripada KDNK).

RENCANA 1

Hasil Mesyuarat Keenam Menteri-Menteri Kewangan APEC (Langkawi, Malaysia, 15-16 Mei 1999)

Menteri-Menteri Kewangan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Asia Pacific Economic Cooperation-APEC) telah bermesyuarat untuk kali yang keenam di Langkawi, Malaysia pada 15-16 Mei 1999 untuk membincangkan keadaan ekonomi dan kewangan serantau serta mencari jalan bagi mengukuhkan asas-asas ekonomi bertujuan mempercepatkan proses pemulihan dan membuat persediaan untuk menghadapi cabaran-cabaran jangka panjang. Berikutan krisis kewangan yang melanda rantau ini, mesyuarat tersebut menegaskan pentingnya peranan di peringkat ekonomi individu dan kumpulan dalam menyumbang kepada kestabilan serantau dan global. Sehubungan itu, usaha-usaha yang dijalankan oleh negara-negara yang dilanda krisis akan terus ditumpukan kepada pembaharuan ekonomi makro dan struktural terutamanya di sektor kewangan dan korporat, manakala bagi ekonomi-ekonomi lain, usaha-usaha adalah ke arah mengekalkan suasana yang sesuai untuk pertumbuhan mapan.

Pelaksanaan Strategi Kerjasama Pertumbuhan (Cooperative Growth Strategy)

Pada bulan November 1998 di Kuala Lumpur, Ketua-Ketua Ekonomi APEC telah bersetuju supaya Strategi Kerjasama Pertumbuhan dijadikan garis panduan untuk menghadapi cabaran-cabaran dalam memastikan kestabilan ekonomi makro dan memulihkan pertumbuhan serantau. Pada Mesyuarat Menteri-Menteri Kewangan di Langkawi, persetujuan dicapai bahawa strategi tersebut telah berjaya menghasilkan kemajuan yang ketara dalam menggalakkan pemulihan dan pertumbuhan, serta mengekalkan pasaran yang terbuka. Dalam tempoh mendatang, kerjasama tersebut akan dikukuh dan didalamkan lagi, selaras dengan sasaran APEC untuk mencapai kawasan perdagangan dan pelaburan yang terbuka pada tahun 2010 dan tahun 2020. Menteri-Menteri sekali lagi menegaskan pentingnya pemantauan sesama anggota APEC dan manfaat yang diperolehi daripada kerjasama yang lebih erat di peringkat mikro, terutamanya dalam pasaran kewangan dan modal.

Penstrukturan Semula Sektor Kewangan dan Korporat

Salah satu elemen penting yang mendorong proses pemulihan ekonomi negara-negara anggota Asia yang dilanda krisis adalah dengan mempercepatkan penstrukturan semula sektor kewangan dan korporat. Di kebanyakan ekonomi ini, penstrukturan semula sektor kewangan dan korporat telah mencapai kemajuan antara lain jelas menunjukkan bahawa kemasukan semula modal bergantung kepada penstrukturan semula kewangan dan korporat yang teratur, pengurusan ekonomi makro yang baik, usaha-usaha untuk meningkatkan tadbir urus korporat dan menyediakan persekitaran yang menarik kepada pelaburan langsung. Mesyuarat juga bersetuju bahawa peranan yang dimainkan oleh masyarakat antarabangsa untuk mempercepatkan penstrukturan semula sektor kewangan dan korporat adalah penting, terutamanya dalam konteks bantuan teknikal dan kewangan.

Pembangunan Pasaran Kewangan dan Modal

Faktor utama untuk mengembalikan keyakinan pelabur-pelabur dalam negeri dan antarabangsa dan menggalakkan kemasukan semula modal adalah sistem kewangan yang baik, tadbir urus korporat yang maju dan sistem perakaunan yang baik serta piawaian ketelusan dan penzahiran maklumat yang tinggi. Di rantau APEC, kemajuan telah dicapai dalam usaha untuk membangun pasaran modal. Pelan Tindakan Sukarela Untuk Menyokong Aliran Modal Yang Lebih Bebas dan Stabil sedang dirangka dan kini berada di peringkat yang kedua. Dua kajian yang dibuat semasa Fasa II pelan tersebut merumuskan bahawa krisis yang melanda baru-baru ini telah memberi pengajaran tentang pentingnya diwujudkan garis panduan yang praktikal untuk mengawasi pengaliran modal, termasuk aliran modal jangka pendek. Laporan akhir merangkumi cadangan-cadangan khusus untuk mencapai pengaliran modal yang lebih bebas dan stabil akan dibentangkan pada Mesyuarat Ketujuh Menteri-menteri di Brunei Darussalam pada tahun 2000.

Salah satu daripada respon APEC terhadap krisis kewangan Asia ialah memberi keutamaan yang tinggi kepada langkah-langkah dalam negeri untuk mengukuhkan tadbir urus korporat. Menteri-Menteri bersetuju dengan perakuan-perakuan yang terkandung di dalam laporan "Memperkuatkan Tadbir Urus Korporat di Rantau APEC" dan menggesa ekonomi-ekonomi anggota mengambil tindakan awal dan menyeluruh untuk melaksanakan perakuan-perakuan tersebut untuk

meningkatkan tadbir urus korporat, terutamanya melalui pelaksanaan Pelan Tindakan yang terkandung dalam laporan tersebut. Pada tahun 2000, beberapa ekonomi anggota dijangka melaporkan kemajuan yang dicapai dalam mengukuhkan usaha-usaha ini.

Pendidikan dan latihan sangat penting untuk mengukuhkan kemahiran pekerja-pekerja profesional yang terlibat terus dengan isu-isu tadbir urus korporat. Selaras dengan penekanan APEC ke atas kerjasama teknikal, Australia akan menyediakan himpunan maklumat mengenai kemudahan-kemudahan latihan tadbir urus korporat yang wujud di ekonomi tersebut dan membuka peluang-peluang tersebut kepada peserta-peserta daripada rantau APEC. Sumbangan terus kepada usaha-usaha mengukuhkan tadbir urus korporat adalah perlu untuk mengukuhkan mutu piawaian pengauditan dan perakaunan, dan dalam hal ini, ekonomi-ekonomi digesa menerima pakai amalan-amalan yang menepati atau melebihi piawaian antarabangsa. Usaha-usaha Jawatankuasa Piawaian Perakaunan Antarabangsa untuk mewujudkan piawaian perakaunan yang lengkap telah diiktiraf sebagai garis panduan penting kepada sektor swasta dan awam di dalam bidang ini.

Pembaharuan undang-undang muflis juga penting bagi mempercepatkan penyusunan semula sektor perniagaan dan kewangan serta meningkatkan pengurusan aliran modal oleh peminjam swasta pada masa hadapan. Untuk menggalakkan persetujuan sepenuhnya ke atas keperluan mewujudkan undang-undang dan prosedur muflis yang kukuh, Australia akan menganjurkan bengkel bersama APEC-OECD mengenai undang-undang muflis pada akhir tahun 1999.

Satu lagi tumpuan penting APEC ialah membangunkan pasaran hutang dalam negeri sebagai langkah menggalakkan perantaraan kewangan yang lebih berkesan. Salah satu keutamaan penting adalah pembangunan pasaran hutang di Asia yang lebih mendalam, berjangkamas panjang, lebih stabil dan telus supaya dapat memanfaatkan tabungan Asia yang tinggi melebihi 30% daripada KDNK. Sebagai langkah permulaan satu himpunan amalan-amalan terbaik dan laman web telah diwujudkan untuk menyokong perkongsian maklumat di kalangan ekonomi anggota. Usaha-usaha seterusnya termasuklah pembangunan 'benchmark yield curves' yang lebih meyakinkan, memperbaiki sistem penjelasan dan penyelesaian sekuriti dan menangani isu-isu berkaitan dengan kekurangan kecairan dan penilaian risiko yang tidak mencukupi.

Meningkatkan Prasarana

Pada tahun 1997, Menteri-Menteri Kewangan telah bersetuju ke atas satu set prinsip sukarela bagi memudahkan penyertaan sektor swasta dalam projek prasarana. Semenjak itu, krisis kewangan telah menimbulkan masalah pelaburan di beberapa ekonomi di rantau ini. Memandangkan keperluan pelaburan bagi projek-projek infrastruktur masih tinggi, penglibatan sektor swasta dalam projek-projek infrastruktur perlu diteruskan. Oleh itu, Menteri-Menteri mengambil maklum bahawa agihan perkhidmatan prasarana dan persaingan boleh membawa banyak manfaat. Menteri-Menteri juga bersetuju pentingnya pembangunan prasarana pasaran modal dalam negeri dipercepatkan, khususnya pasaran bon, untuk mengelakkan berlakunya salah gandingan antara mata wang dan kematangan apabila pembiayaan projek dilakukan pada masa depan.

Dialog Antarabangsa mengenai Arkitektur Kewangan

Menteri-Menteri menekankan peranan penting yang dimainkan oleh masyarakat antarabangsa untuk mengukuhkan arkitektur sistem kewangan antarabangsa memperlengkapkan usaha-usaha di peringkat nasional dan serantau bagi memastikan persekitaran yang stabil untuk pertumbuhan dan pemulihan. Menteri-Menteri menggesa supaya perakuan-perakuan yang dibuat oleh beberapa forum dilaksanakan dengan segera. Menteri-Menteri menyedari bahawa usaha-usaha mereformasi penuh ke atas arkitektur sistem kewangan antarabangsa akan mengambil masa dan mereka bersetuju supaya momentum ke arah ini perlu diteruskan walaupun kestabilan kembali semula ke pasaran-pasaran kewangan.

Penglibatan ekonomi-ekonomi perindustrian, membangun dan baru muncul, serta institusi-institusi kewangan antarabangsa dan badan-badan penyeliaan bukan sahaja menyumbang kepada dialog untuk mengukuhkan arkitektur sistem kewangan antarabangsa tetapi akan menggalakkan penerimapiakaian ke atas persetujuan-persetujuan yang dicapai di perbincangan-perbincangan tersebut. Penubuhan satu mekanisma khusus untuk membolehkan dialog di antara ekonomi-ekonomi perindustrian, membangun dan baru muncul untuk mencapai kata sepakat berhubung dengan isu-isu ekonomi dan kewangan utama pada masa hadapan adalah dianggap elemen penting. Dengan yang demikian Menteri-Menteri menggesa supaya ekonomi-ekonomi baru muncul utama diterima menganggotai Forum Kestabilan Kewangan. Menteri-Menteri juga menekankan pentingnya Forum Kestabilan Kewangan menyiapkan kerjanya secepat mungkin berkaitan dengan institusi-institusi berfeveraj tinggi, pusat kewangan luar pesisir dan aliran modal jangka pendek.

Mengukuhkan Sistem Kewangan

Sejak tahun 1994, Menteri-Menteri Kewangan APEC telah menumpu kepada usaha-usaha mengukuhkan sistem kewangan dalam negeri. Menyedari bahawa penyeliaan sektor perbankan yang baik adalah penting untuk memastikan kestabilan kewangan, Mesyuarat Menteri-Menteri Kewangan APEC di Kananaskis, Kanada pada bulan Mei 1998 telah meluluskan inisiatif untuk menilai keupayaan sistem pengawalseliaan sektor perbankan. Pada tahun 1999, kajian dijalankan untuk menilai keupayaan sistem pengawalseliaan di ekonomi-ekonomi anggota. Hasil kajian menunjukkan bahawa ekonomi-ekonomi anggota berjaya mematuhi Prinsip Teras Basle bagi Pengawalseliaan Perbankan (Basle Core Principles for Effective Banking Supervision). Memandangkan usaha-usaha APEC dalam bidang ini penting, Menteri-Menteri dijangka menerima laporan kemajuan dari semasa ke semasa mengenai usaha ekonomi-ekonomi anggota APEC ke arah mengukuhkan sistem pengawalseliaan masing-masing. Sebagai langkah mengurangkan jurang perbezaan dalam melaksanakan langkah-langkah untuk memperbaiki penyeliaan, pertukaran pendapat dan interaksi yang kerap di antara penyelia-penyelia bank APEC adalah penting. Mesyuarat penyelia-penyelia bank dari ekonomi-ekonomi APEC dan SEACEN adalah forum penting untuk menyokong inisiatif perkongsian maklumat tersebut.

Komitmen untuk membangunkan sumber manusia dalam bidang pengawasan dan penyeliaan adalah sangat penting bagi mengukuhkan sistem kewangan di peringkat nasional dan antarabangsa. Pewujudan sekumpulan penyelia-penyelia bank yang berpengalaman dianggap penting untuk memastikan sistem perbankan yang kukuh dan dikawalselia dengan baik. Dalam hal ini, Menteri-Menteri bersetuju bahawa keupayaan badan-badan penyeliaan dan pengawasan di rantau APEC perlu dipertingkatkan dari semasa ke semasa, terutamanya dalam bidang risiko pasaran dan pengukuhkan penyeliaan. Sebagai langkah membantu ekonomi-ekonomi menerima pakai Prinsip Teras Basle bagi Pengawalseliaan Perbankan dengan sepenuhnya, inisiatif-inisiatif latihan APEC akan juga meliputi perkongsian pengalaman dan pengetahuan praktikal oleh ekonomi-ekonomi yang lebih maju dalam mematuhi Prinsip Teras tersebut. Program-program ini akan dijalankan melalui seminar dan kursus.

Satu mekanisme untuk mengesan kemajuan dalam melaksanakan pelbagai pelan tindakan dan prinsip yang telah dipersetujui sejak beberapa tahun lalu akan ditubuhkan pada tahun 1999. Sebagai langkah pertama, langkah-langkah yang telah diambil oleh ekonomi-ekonomi anggota dalam

menerimapakai piawaian kod/amalan-amalan terbaik antarabangsa untuk mengukuh sistem kewangan akan dihipunkan.

Meningkatkan Piawaian Mengenai Ketelusan dan Penzahiran

Piawaian ketelusan dan penzahiran maklumat perlu dikenakan kepada sektor awam dan swasta untuk membolehkan pasaran-pasaran kewangan berfungsi secara berkesan. APEC telah mencapai kemajuan dalam usaha meningkatkan piawaian ketelusan dan penzahiran terutamanya melalui usaha memajukan pasaran bon dan mengukuhkan tadbir urus korporat. Tambahan pula, sebilangan besar ekonomi-ekonomi anggota telah bersetuju untuk menggunakan format baru yang lebih menyeluruh dalam menyebarkan maklumat berhubung dengan simpanan asing sebagai sebahagian daripada Piawaian Penyebaran Data Khas (Special Data Dissemination Standards-SDDS).

Menteri-menteri juga akur tentang perlunya ketelusan oleh peserta-peserta pasaran termasuk institusi-institusi berleveraj tinggi (HLIs). Menteri-menteri akan mengkaji semula hasil kerja yang dijalankan oleh Forum Kestabilan Kewangan, laporan Pertubuhan Suruhanjaya Sekuriti Antarabangsa (International Organisation of Securities Commissions-IOSCO) dan laporan-laporan daripada badan-badan awam dan swasta lain berhubung isu-isu ketelusan dan penzahiran maklumat.

Agensi-agensi Penarafan Kredit

Sebelum tercetusnya krisis kewangan di Asia, APEC telah memulakan inisiatif untuk menggalakkan pembangunan agensi-agensi penarafan kredit (Credit Rating Agencies - CRAs), memandangkan peranan penting mereka dalam pembangunan pasaran-pasaran modal. Pada tahun 1998 di Kananaskis, Menteri-menteri telah membincangkan peranan CRAs semasa krisis kewangan Asia. Pada tahun yang sama, Ketua-ketua Ekonomi APEC meminta supaya kegiatan agensi-agensi penarafan antarabangsa dikaji supaya keberkesanan mereka dipertingkatkan dan menyumbang kepada pengaliran modal yang mapan.

Berdasarkan laporan yang disediakan oleh Filipina mengenai hasil Bengkel Perbincangan APEC (APEC Consultative Workshop) yang diadakan di Manila pada bulan Februari 1999, Menteri-menteri bersetuju supaya inisiatif ini dilanjutkan dan seharusnya menyumbang kepada perbincangan mengenai arkitektur antarabangsa.

Perkara ini mempunyai kaitan dengan pengukuhan piawaian ketelusan dan penzahiran oleh semua peserta pasaran. Sebagai langkah pertama, kajian akan dijalankan mengenai kod dan amalan-amalan yang digunakan oleh CRAs. Kajian tersebut akan juga merangkumi beberapa isu termasuklah (a) ketelusan dan akauntabiliti proses penarafan (b) konflik kepentingan (c) penarafan yang boleh dipercayai dan diperakui; dan (d) penarafan yang tidak diminta. Selaras dengan itu, ekonomi-ekonomi anggota akan mengambil langkah-langkah untuk mengukuhkan piawaian maklumat dan penzahiran. Ini termasuklah usaha-usaha untuk memupuk budaya kredit dan menggalakkan penggunaan sumber-sumber alternatif mengenai maklumat risiko kredit dan menyertai secara aktif di dalam inisiatif antarabangsa untuk menyeragamkan piawaian perakaunan dan penzahiran.

Mempertingkatkan Peranan Institusi-institusi Kewangan Antarabangsa (IFIs)

Menteri-menteri mengambil maklum bahawa peningkatan penyelarasan dan kerjasama di kalangan IFIs akan mengukuhkan keberkesanan tindakan mereka semasa krisis. IFIs digesa mencari jalan memperbaiki program-program pemantauan dan modus operandinya. Sebagai langkah pertama, penubuhan Jawatankuasa Perhubungan Sektor Kewangan (Financial Sector Liaison Committee) oleh IMF dan Bank Dunia dapat memupuk kerjasama yang lebih berkesan dalam memberi nasihat mengenai isu-isu di sektor kewangan. Penubuhan 'Contingent Credit Line' (CCL) juga membantu negara-negara yang mengamalkan dasar-dasar yang baik tetapi terdedah kepada kesan penularan.

Penglibatan Sektor Swasta dalam Membendung dan Mengurus Krisis

Menteri-menteri bersetuju bahawa tindakan oleh pemiutang swasta adalah penting dalam menyelesaikan krisis kewangan. Kerjasama di antara ekonomi-ekonomi, sektor swasta dan institusi-institusi kewangan antarabangsa adalah penting untuk meningkatkan keupayaan menghindarkan dan menyelesaikan krisis. Ekonomi-ekonomi pasaran baru muncul harus mengekalkan hubungan dengan pemiutang swasta mereka. Pada masa yang sama, usaha-usaha praktikal selanjutnya perlu untuk melibatkan sektor swasta secara teratur dalam usaha-usaha

mencegah dan menyelesaikan krisis. Menteri-menteri mengambil maklum bahawa beberapa cadangan yang membina telah dibincangkan di beberapa forum antarabangsa. Misalnya di IMF, penggunaan peruntukan tindakan bersama dalam kontrak bon 'sovereign' sedang dikaji.

Menyekat Kesan Krisis ke atas Golongan Miskin

Menteri-Menteri menyokong tindakan bersama APEC diperluaskan untuk bertukar-tukar maklumat and analisis mengenai strategi untuk menyekat kesan krisis ke atas golongan miskin. Tindakan bersama ini berasaskan kajian yang dijalankan oleh Malaysia dan Bank Dunia mengenai pengalaman negara-negara di Asia Timur dan Amerika Latin yang dilanda krisis. Pengajaran penting kajian ini ialah mengenai cara-cara menyekat kesan daripada krisis ke atas golongan miskin dan yang mudah terjejas pada masa hadapan. Antaranya termasuk: perlunya penyelarasan yang lebih teratur di kalangan agensi kebangsaan yang berkaitan, dan juga di antara agensi-agensi tersebut dengan institusi-institusi kewangan antarabangsa dalam merangka program-program; pentingnya mewujudkan jaringan keselamatan sosial yang kukuh sebelum tercetusnya krisis; dan keupayaan institusi untuk mengubahsuai program-program dan memperkenalkan langkah-langkah dengan cepat semasa krisis, serta perlunya memperbaiki pemantauan ke atas program-program yang dijalankan. Usaha-usaha Menteri-Menteri Kewangan akan tertumpu kepada menggalakkan rangkakerja yang kukuh dan pembiayaan dalaman yang mencukupi untuk jaringan keselamatan sosial dan mengambil kira keadaan budaya, ekonomi, institusi dan sosial di ekonomi-ekonomi individu.

Pepijat Alaf (Y2K)

Sebagai persediaan kepada pertukaran tarikh komputer pada 1 Januari 2000, mesyuarat bersetuju supaya ekonomi-ekonomi anggota perlu terus menaikkan taraf dan menguji komputer mereka. Ini bertujuan mengukuhkan keyakinan rakyat dan mengurangkan risiko gangguan ekonomi dan kewangan. Dalam beberapa bulan menjelang tahun 2000, ekonomi-ekonomi anggota APEC akan menumpukan usaha untuk merancang persediaan bagi menghadapi masalah yang mungkin timbul apabila pertukaran tarikh ke abad baru.

RENCANA 2

Kemajuan Penstrukturan Semula Sektor Kewangan dan Korporat di Negara-negara Asia yang Dilanda Krisis

Usaha utama yang diambil oleh ekonomi-ekonomi Asia Timur yang dilanda krisis, iaitu Indonesia, Korea, Thailand dan Malaysia bagi mengembalikan keyakinan dan merangsang aktiviti ekonomi ialah menstruktur semula sektor kewangan dan korporat.

Langkah-langkah ini diambil sejajar dengan program pengubahsuaian ekonomi yang dipersetujui dengan IMF yang telah menyediakan pakej-pakej bantuan kewangan untuk negara-negara tersebut kecuali Malaysia yang meneruskan program penstrukturan semula tanpa bantuan IMF. Kemajuan yang menggalakkan telah dicapai dalam pelaksanaan program penstrukturan semula sektor kewangan di kesemua negara tersebut, di mana piawai berhemat yang lebih ketat telah diperkenalkan, pemodalan semula bank berjalan dengan lancar dan rancangan menswastakan institusi-institusi milik kerajaan disediakan. Di bidang korporat pula, walaupun kebanyakan rintangan undang-undang mengenai penyusunan semula telah dihapuskan, langkah-langkah pembaharuan adalah agak lembab, mungkin kerana rangka kerja penstrukturan semula merupakan usaha sukarela. Kemajuan pelaksanaan dan keberkesanan langkah-langkah penstrukturan semula sektor kewangan dan korporat adalah berbeza-beza di antara negara-negara ini, memandangkan komitmen politik, tanggungjawab sosial dan reaksi awam kepada perubahan-perubahan yang diperkenalkan.

Di **Indonesia**, tahap kemajuan pembinaan semula sektor kewangan adalah lebih lembab berbanding negara Asia yang lain. Indonesia telah menubuhkan Agensi Penstrukturan Semula Bank-Bank Indonesia (IBRA) untuk menangani masalah kecairan dan insolven yang dihadapi oleh bank-bank, menubuhkan Unit Pengurusan Aset (AMU) di bawah IBRA untuk mengambilalih hutang-hutang tidak berbayar (NPL) daripada bank yang operasinya dibekukan atau yang digabungkan, melaksanakan skim pemodalan semula bagi bank-bank yang kekurangan modal dan menutup bank yang tidak berdaya maju. Pada bulan November 1997, pihak Kerajaan telah menutup 16 buah bank persendirian. Ketika IBRA ditubuhkan

pada bulan Januari 1998, 54 buah bank bermasalah telah diletakkan di bawah pengawasannya. Daripada jumlah ini, 7 buah bank digantung operasinya pada bulan April 1998, sementara 7 buah bank lagi diletakkan di bawah pengurusan IBRA. Pada bulan Ogos 1998, 3 daripada 7 buah bank di bawah pengurusan IBRA telah digantung operasinya. Sebanyak 4 buah bank Kerajaan termasuk Bank EXIM telah digabungkan untuk membentuk Bank Mandiri. Pada bulan September 1998, pihak Kerajaan telah mengumumkan program memodalkan semula bank dengan menggunakan dana awam. Di bawah program ini, Kerajaan akan menyediakan 80% daripada dana yang diperlukan bagi mencapai nisbah kecukupan modal pada paras 4% sementara pihak bank mesti mendapatkan bakinya sebanyak 20% lagi. Pada bulan Mac 1999, pihak Kerajaan mengumumkan pakej yang mengandungi langkah-langkah yang ditujukan kepada bank-bank persendirian nasional. Daripada 128 buah bank tersebut, 38 buah bank telah ditutup dan 7 buah bank dijadikan hak milik kerajaan sementara 9 buah bank menerima suntikan modal awam. Bakinya sebanyak 74 buah bank persendirian yang kecil telah dinilai semula sebagai mempunyai modal yang cukup. Unit Pengurusan Aset masih tidak menunjukkan kemajuan yang besar dari segi penjualan aset. Undang-undang perbankan telah dikaji semula bagi membolehkan pemilikan asing sebanyak 100%.

Kos pemulihan sektor perbankan dianggarkan berjumlah 330 trilion rupiah. Kerajaan dijangka akan mengeluarkan bon berjumlah AS\$68 bilion bagi tujuan ini. Walau pun terdapat kemajuan dalam pembaharuan sistem kewangan, masih terdapat banyak isu yang perlu ditangani termasuk meningkatkan penzahiran maklumat oleh pihak bank dan ketelusan yang lebih dalam pentadbiran sektor perbankan oleh pihak kerajaan.

Berhubung dengan penstrukturan semula korporat, sebanyak 125 firma dengan hutang luar berjumlah US\$17 bilion dan tuntutan dalam negeri sebanyak 1 trilion rupiah telah ditandatangani di bawah Inisiatif Jakarta. Inisiatif ini yang ditubuhkan pada bulan November 1998 menyediakan beberapa prinsip sukarela bagi penstrukturan semula hutang di antara pemiutang dan penghutang. Perjanjian ini dirangka bagi mengelakkan pengisytiharan bankrap dengan menggalakkan penyelesaian dibuat di luar mahkamah melalui perbincangan di antara kedua-dua pihak. Persetujuan telah juga dicapai dengan

17 buah firma kecil. Walau bagaimanapun kemajuan yang jelas belum dapat dicapai. Penstrukturan semula sektor korporat agak lembab disebabkan pemegang korporat dan penghutang asing – yang memegang 60% daripada hutang korporat masih belum bersetuju dengan resolusi hutang luar. Bank-bank tempatan kebanyakannya kekurangan modal dan undang-undang bankrap dan penutupan masih belum dikuatkuasakan. Di samping itu, sepanjang tahun 1999, ketidakpastian politik juga telah memperlahankan usaha penyelesaian perjanjian-perjanjian hutang.

Di **Korea**, pemulihan dan pengukuhan sektor perbankan pada umumnya berjalan lancar. Penstrukturan semula dilaksanakan di bawah pengawasan Suruhanjaya Pengawasan Kewangan (Financial Supervisory Commission) yang ditubuhkan pada bulan April 1998, dan melibatkan usaha-usaha pengukuhan, pembelian hutang tidak berbayar dan pemodalan semula. Sebanyak 5 daripada 26 buah bank perdagangan yang beroperasi pada akhir tahun 1997 telah ditutup, sementara langkah-langkah diambil untuk memilik negarakan dua buah bank. Rundingan sedang dijalankan dengan pembeli asing sejak akhir tahun 1998 dalam usaha menjual dua buah bank berkenaan. Bank-bank perdagangan yang lain masih dalam berbagai peringkat penstrukturan semula termasuk pergabungan dan mendapatkan modal tambahan. Bagi permodalan semula bank-bank, dana awam disuntik untuk membolehkan bank mengekalkan nisbah modal sebanyak 10%. Daripada 30 buah bank saudagar, 16 telah ditutup, bergabung atau digantung dan bakinya sebanyak 14 diawasi dengan rapi. Perhatian pada masa ini ditumpukan kepada syarikat-syarikat kewangan seperti syarikat pelaburan unit amanah yang terdedah kepada *chaebol-chaebol* yang besar. Korea Selatan telah menunjukkan kemajuan yang besar dalam penjualan hutang tidak berbayar. Lembaga Pengurusan Aset Korea (The Korean Asset Management Corporation- KAMCO) telah membeli lebih 60% daripada sasaran jumlah hutang tidak berbayar sektor perbankan.

Dana awam berjumlah lebih 64 trilion won telah diperuntukkan bagi pengstruktur semula sektor kewangan. Perbelanjaan menstruktur semula sistem perbankan ini menjadi beban kepada sumber fiskal dan institusi-institusi kewangan mungkin terpaksa bergantung kepada usaha masing-masing dimasa hadapan.

Berhubung dengan penstrukturan semula korporat, lima *chaebol* terbesar sedang disusun semula di bawah Rancangan Membaik Pulih Struktur Modal (Capital Structure Improvement Plans). Rancangan ini memerlukan lima buah *chaebol* tersebut mengurangkan nisbah hutang berbanding ekuiti sebelum akhir tahun 1999. Tambahan pula, Kerajaan telah menggalakkan pertukaran perniagaan dengan *chaebol* yang lain dan pengurangan perniagaan yang bukan merupakan perniagaan utama. Mengenai syarikat-syarikat bersaiz kecil dan sederhana (IKS), sebanyak 79 buah syarikat telah memulakan usaha menyusun semula hutang, yang mana 71 syarikat telahpun mencapai persetujuan ke atas rancangan tersebut. Bagi IKS yang selebihnya, enam rancangan penyusunan semula hutang sedang disediakan.

Program penstrukturan semula sektor kewangan di **Thailand** melibatkan langkah-langkah untuk membaiki pengawasan kewangan, pembaharuan prasarana kewangan, pembangunan pasaran modal dan penstrukturan semula syarikat-syarikat. Agensi Penstrukturan Semula (FRA) dan Syarikat Pengurusan Aset (AMC) ditubuhkan untuk menyelesaikan masalah 58 syarikat kewangan yang gagal dan menjual asetnya. Daripada 58 syarikat tersebut 56 telah ditutup dan asetnya diambilalih oleh FRA untuk dilelong. Beberapa siri lelongan aset telah dibuat oleh FRA sepanjang tahun 1999 dan dijangka selesai sebelum akhir tahun ini. Pada peringkat permulaan, strategi berasaskan pasaran bagi memodal semula baki institusi-institusi kewangan telah dilaksanakan. Walau bagaimanapun, memandangkan pelabur-pelabur yang berpotensi tidak berkeyakinan, Bank of Thailand (BOT) terpaksa campur tangan dalam empat buah bank dan tujuh buah syarikat kewangan. Menyedari sokongan Kerajaan diperlukan, satu rancangan untuk memodal semula institusi kewangan yang bermasalah telah diumumkan pada Ogos 1998 dengan suntikan modal sebanyak 300 million baht daripada dana awam. Komponen utama rancangan tersebut ialah pengukuhan bank-bank perdagangan dan komponen kewangan serta penyuntikan dana awam untuk tujuan permodalan semula. Sebagai sebahagian daripada rancangan ini, BOT telah mengambil alih dua buah bank tambahan dan lima lagi syarikat kewangan, yang menjadikan jumlah semuanya kepada 18. Penggabungan dan

penstrukturan semula entiti milik kerajaan dengan institusi-institusi kewangan yang dicampur tangan serta penswastan tiga bank kebangsaan sedang berjalan. Pemodalan semula bank-bank persendirian juga berjalan lancar. Rangka perundangan dan peraturan bagi mengawasi institusi-institusi kewangan sedang dikaji semula.

Berhubung dengan penstrukturan semula korporat, Kerajaan Thailand telah menubuhkan Jawatankuasa Penasihat Penstrukturan Semula Hutang Korporat (Corporate Debt Restructuring Advisory Committee-CDRAC) bagi menyelaras urusan hutang. Pada awal tahun 1999, CDRAC

telah terlibat dalam penstrukturan semula hutang 293 buah syarikat dan telahpun menjual pinjaman kepunyaan 56 syarikat. Bank-bank perdagangan walau bagaimanapun, didapati lembab dalam menangani urusan hutang disebabkan saiz hutang tidak berbayar yang agak besar. Di Thailand, hutang syarikat-syarikat kecil dan sederhana merupakan dua pertiga daripada jumlah hutang korporat dan dengan itu penstrukturan semula dijangka mengambil masa. Kajian semula undang-undang bankrap dan peraturan penutupan serta penubuhan Mahkamah Bankrapsi diluluskan pada bulan Mac 1999 dan ini dijangka akan mempercepatkan lagi proses penstrukturan semula.

Negara-negara Membangun Yang Lain

Amerika Latin

Amerika Latin dijangka mengalami kemerosotan ekonomi yang ketara pada tahun 1999 kerana harga komoditi yang rendah, hutang awam yang melambung, pengangguran yang tinggi, kemerosotan nilai mata wang dan pengaliran masuk modal yang perlahan. Kadar pertumbuhan KDNK bagi rantau ini diramalkan 0.1% (1998: 2.2%) walaupun prestasi di peringkat negara-negara individu adalah bercampur-campur. Kadar inflasi dijangka menurun kepada 9.8% (1998: 10.6%).

Pertumbuhan ekonomi **Mexico** dijangka kekal positif walaupun pada kadar yang lebih rendah sebanyak 3% pada tahun 1999 (1998: 4.6%) disebabkan kesan tertangguh krisis kewangan. Faktor utama yang mendorong pertumbuhan ini adalah eksport bukan minyak, mencerminkan permintaan yang kukuh daripada rakan-rakan dagangan utama di Amerika Utara. Di Mexico, eksport merupakan 27% daripada KDNK dengan lebih 80% daripada jumlah eksport di perdagangan dalam Kawasan Perdagangan Bebas Amerika Utara (NAFTA). Peningkatan yang berterusan permintaan swasta dan pelaburan sektor awam dalam kemudahan infrastruktur dijangka turut merangsangkan aktiviti ekonomi. Kadar inflasi dijangka meningkat kepada 17.1% (1998: 16.7%) sementara defisit akaun semasa diramal berkurangan kepada 2.3% daripada KDNK (1998: -3.8% daripada KDNK).

Ekonomi **Argentina** dijangka mengalami kemerosotan yang ketara pada tahun 1999 dengan KDNK menguncup 3% (1998: 3.9%). Harga yang rendah terutamanya bagi komoditi pertanian dan barangan perindustrian dijangka menyumbang ke arah permintaan dalam negeri yang lemah. Berikutan kemerosotan nilai real Brazil pada bulan Januari 1999, ekonomi Argentina yang mengamalkan regim kadar pertukaran mata wang yang tetap, dijangka mengalami persekitaran perdagangan yang lebih berdaya saing. Pada tahun 1999, akaun semasa dianggar terus mengalami defisit 4% kepada KDNK (1998: -4.9% daripada KDNK). Deflasi harga sebanyak 0.8% adalah dijangkakan pada tahun 1999 (1998: 0.9%).

Di **Brazil**, KDNK benar dijangka menguncup sebanyak 1% pada tahun 1999 (1998: 0.1%), satu kadar yang lebih baik daripada jangkaan sebelum ini. Peningkatan yang kukuh dalam pengeluaran pertanian, keyakinan para pelabur dan pengguna yang kukuh serta prestasi pengeluaran yang bertambah baik, dijangka menyumbang kepada prestasi ekonomi yang lebih positif. Inflasi dijangka dibendung di sekitar 4.6% (1998: 3.8%) mencerminkan kesan kemerosotan kadar pertukaran yang tidak begitu ketara ke atas harga. Brazil telah menurunkan nilai Real pada pertengahan bulan Januari 1999 berikutan pengaliran keluar modal yang mendadak. Imbangan

perdagangan dijangka terus menunjukkan defisit sebanyak 3.8% daripada KDNK (1998:- 4.3% daripada KDNK) pada tahun 1999 hasil daripada pemulihan harga minyak antarabangsa dan kelemahan harga komoditi-komoditi utama Brazil.

Venezuela dijangka terus mengalami penguncupan ekonomi yang lebih ketara pada tahun 1999. Ekonominya yang bergantung kepada minyak dijangka menguncup 7.6% (1998: -0.7%), walaupun harga minyak telah pulih. Ketidaktentuan tentang perubahan perlembagaan yang akan diperkenalkan oleh kerajaan baru dan defisit sektor awam yang besar di sekitar 7% daripada KDNK pada tahun 1999 telah menjauhkan pelabur dan menyebabkan peningkatan kadar pengangguran. Walaupun kadar inflasi telah menurun kepada 24.4% (1998: 35.8%), ianya masih tinggi jika dibandingkan dengan negara-negara Amerika Latin yang lain. Keadaan imbalan luaran negara dijangka bertambah baik dengan peningkatan harga minyak baru-baru ini.

Timur Tengah, Afrika dan Asia Selatan

Negara-negara Timur Tengah, Afrika dan Asia Selatan dijangka terus mencatat kadar pertumbuhan yang positif walaupun pada paras yang lebih rendah. Peningkatan harga minyak dunia baru-baru ini dari AS\$11.15 pada bulan Januari 1999 kepada AS\$21.13 setong pada bulan Oktober 1999 telah membantu memperbaiki imbalan luaran, kedudukan fiskal dan prospek pertumbuhan jangka pendek negara-negara pengesport minyak di Timur Tengah dan Afrika. Walau bagaimanapun, kelemahan harga komoditi bukan minyak yang berterusan dijangka mengekang kadar pertumbuhan di kebanyakan negara, khususnya Afrika.

Di **Timur Tengah**, pertumbuhan ekonomi dijangka kekal sederhana dengan kadar KDNK sebanyak 1.8% walaupun lebih rendah dari kadar yang dicapai pada tahun 1998 3.2%. Dengan keadaan ekonomi yang bertambah baik di kebanyakan negara di rantau ini, kadar inflasi dijangka menurun kepada 18.3% pada tahun 1999 daripada kadar yang tinggi sebanyak 23.6% pada tahun 1998. Eksport dijangka menguncup sebanyak 0.2%, satu pencapaian yang baik jika dibandingkan dengan penguncupan 0.7% pada tahun 1998. Import juga dijangka menguncup kepada 1.8%

selepas mencatatkan pertumbuhan yang tinggi sebanyak 6% pada tahun 1998. Defisit akaun semasa untuk Timur Tengah dijangka bertambah baik mencatat AS\$6 billion berbanding AS\$20 billion pada tahun 1998.

Di **Arab Saudi**, berikutan penurunan harga minyak sejak awal tahun 1998, pertumbuhan KDNK diramalkan menguncup 2% (1998: 1.6%). Inflasi dijangka meningkat kepada 1.5% (1998: -0.2%). Eksport dijangka menurun kepada AS\$35 billion (1998: AS\$42.5 billion) kerana pengeluaran minyak yang berkurangan sementara import diramal menurun sedikit kepada AS\$23 billion (1998: AS\$24 billion). Di **Turki**, penguncupan ekonomi yang bermula pada suku kedua tahun 1998 telah terkawal. KDNK kini diramalkan 1.2% (1998: 2.8%). Kadar inflasi walaupun mulai menurun, kekal berada pada paras yang tinggi sebanyak 60.4% (1998: 84.6%). Gempa bumi yang berlaku pada bulan Ogos dijangka mempengaruhi prospek ekonomi keseluruhan negara itu. Kos keseluruhan gempa bumi tersebut dijangka bernilai AS\$9 hingga AS\$13 billion. Defisit belanjawan pada tahun 1999 dijangka pada AS\$20 billion disebabkan peningkatan perbelanjaan awam bagi prasarana awam dan kehilangan hasil kutipan cukai atau penangguhan bayaran cukai. Imbalan akaun semasa Turki dijangka mengalami defisit sebanyak AS\$1 billion atau 0.6% daripada KDNK (1998: - AS\$1.87 billion atau 0.9% dari KDNK).

KDNK bagi negara-negara **Afrika** dijangka mengalami pertumbuhan di sekitar 3.1% pada tahun 1999 (1998: 3.4%). Walau bagaimanapun, negara-negara seperti Kenya, Sudan, Ghana, Tanzania, Tunisia dan Uganda telah menunjukkan prestasi yang baik. Kadar pertumbuhan di antara 2.1% dan 7% diramalkan untuk negara-negara tersebut mengambilkira pelaksanaan dasar ekonomi makro yang mantap dan dalam beberapa kes, keadaan cuaca yang lebih baik. Kadar inflasi diramal pada paras 9%, meningkat daripada 8.7% pada tahun 1998. Jumlah eksport dijangka mengalami pertumbuhan 2.9% selepas menguncup 0.7% pada tahun 1998 sementara jumlah import juga dijangka bertambah baik, mengalami pertumbuhan 3.4% berbanding 2.8% pada tahun 1998. Kejatuhan harga minyak pada tahun 1998 dan kemelesetan ekonomi yang dialami oleh Asia melemahkan kedudukan akaun semasa negara-negara pengesport minyak terutamanya. Kejatuhan harga emas telah juga mempunyai kesan ke atas beberapa negara seperti Afrika Selatan.

Defisit akaun semasa Afrika dijangka menurun kepada AS\$17.1 bilion berbanding AS\$19.6 bilion pada tahun 1998. Pertumbuhan ekonomi **Afrika Selatan** dijangka bertambah baik kepada 0.7% setelah merosot pada tahun 1998. Pertumbuhan ekonomi disokong oleh keyakinan pasaran kewangan yang kian pulih, kadar faedah yang rendah dan prospek eksport ke benua Asia yang bertambah baik. Inflasi dijangka menurun sedikit kepada 6.5% (1998: 6.9%). Eksport dijangka bertambah baik disebabkan permintaan yang bertambah baik dari negara-negara Asia dan Eropah dengan mencatat pertumbuhan sebanyak 2.2% (1998: 0.4%). Import dijangka mencatatkan pertumbuhan sederhana pada kadar 4% berbanding 3.7% pada tahun 1998. Kadar pertumbuhan ekonomi Nigeria, diramal menurun sebanyak 0.5% (1998: 1.9%) disebabkan harga minyak yang rendah pada tahun 1998 dan awal tahun 1999 berikutan kejatuhan mendadak pengeluaran minyak di Nigeria disebabkan kuota OPEC yang lebih rendah. Walaupun begitu, keadaan ini dijangka bertambah baik dengan kenaikan harga minyak dan pendapatan eksport

dan sektor awam yang bertambah baik. Kadar inflasi dijangka meningkat kepada 12.5% berbanding 10% pada tahun 1998.


Di rantau **Asia Selatan**, pertumbuhan ekonomi secara keseluruhan dijangka bertambah baik pada tahun 1999 dengan dasar makro ekonomi dan keadaan ekonomi yang lebih baik di negara-negara yang dilanda krisis Asian. Kadar inflasi di negara-negara Asia Selatan dijangka meningkat sederhana dalam lingkungan 5% hingga 8%. Sektor luaran diramalkan bertambah baik dengan eksport dijangka meningkat sederhana kepada AS\$55.7 bilion (1998: AS\$ 50.9 bilion). Import juga dijangka meningkat kepada AS\$71.1 bilion (1998: AS\$64.3 bilion) disebabkan permintaan dalam negeri yang bertambah baik terutamanya di India dan Pakistan. Defisit akaun semasa dijangka meningkat sedikit kepada AS\$12.5 bilion (1998:- AS\$10.1 bilion).

India dijangka terus mencatat pertumbuhan ekonomi yang kukuh pada kadar 5.7% (1998: 5.8%) mencerminkan pemulihan pengeluaran pertanian dan permintaan dalam negeri. Pertumbuhan ekonomi Pakistan dijangka menurun sedikit kepada 3.1% (1998: 3.3%). Inflasi dijangka berkurangan kepada 6.1% daripada 7.8% pada tahun 1998 dengan adanya usaha-usaha kerajaan untuk mewujudkan sistem pengedaran yang lebih baik.

Kedudukan Ekonomi Negara-Negara Peralihan

Krisis ekonomi yang berlaku di pasaran-pasaran yang baru muncul telah memperluaskan jurang perbezaan di antara ekonomi-ekonomi peralihan yang kukuh dan yang lemah. Eksport yang merupakan penyumbang utama kepada pertumbuhan dalam beberapa tahun kebelakangan ini telah, menjadi perlahan di seluruh rantau tersebut, terutama sekali di negara-negara yang mempunyai pertalian erat perdagangan dengan Russia. Pertumbuhan ekonomi di negara-negara peralihan dijangka pulih semula dengan mencatat 0.8% (1998: -0.2%) sementara harga pengguna dijangka meningkat dengan mendadak kepada 39.3% pada tahun 1999 (1998: 20.9%).

Selepas mengalami pertumbuhan sederhana pada tahun 1997 dan awal tahun 1998, aktiviti ekonomi di Russia telah menjadi lemah akibat krisis kewangan pada tahun 1998. Ketidaktentuan



Jadual 3.4

Negara-negara Membangun Petunjuk-petunjuk Ekonomi Utama (1998-2000)

	1998			1999 ^a			2000 ^a		
	KDNK Benar (%)	Inflasi ¹	Kedudukan Akaun Semasa ²	KDNK Benar (%)	Inflasi ¹	Kedudukan Akaun Semasa ²	KDNK Benar (%)	Inflasi ¹	Kedudukan Akaun Semasa ²
Negara Membangun	3.2	10.3	-77	3.5	6.7	-56.0	4.8	5.8	-6.6
<i>Mengikut rantau</i>									
Afrika	3.4	8.7	-19	3.1	9.0	-19.0	5.0	6.9	-15.0
Asia	3.7	8.0	51	5.3	3.1	2.6	5.4	3.5	12.0
Amerika Latin	2.2	10.6	-89	0.1	9.8	-5.6	3.9	7.6	-56.0
Timur Tengah	3.2	23.6	-20	1.8	18.3	-6.0	3.1	13.1	-6.0

¹ Harga-harga pengguna-pengguna diwajarkan

² AS\$ bilion

* Anggaran

* Unjuran

Sumber: IMF World Economic Outlook, September 1999, EIU

politik dan ekonomi yang berterusan telah menyebabkan pengaliran keluar modal yang besar pada tahun 1999 dan penurunan mendadak pelaburan asing langsung berbanding paras sebelum krisis. Walau bagaimanapun, sejak separuh kedua tahun 1999 terdapat beberapa perkembangan positif di Russia termasuklah peningkatan pengeluaran perindustrian, penstabilan nilai rouble, kelonggaran tekanan pasaran pertukaran asing serta bantuan kewangan IMF yang berterusan. Oleh yang demikian, KDNK dijangka meningkat dan mencatat kadar pertumbuhan sifar pada tahun 1999 (1998: - 4.6%). Inflasi dijangka meningkat dengan ketara kepada 88% (1998: 28%). Eksport dijangka berkurangan sedikit kepada AS\$72.1 bilion (1998: AS\$74.8 bilion), sementara import dijangka berkurangan kepada AS\$46.1 bilion dengan penggantian import berikutan kemerosotan nilai rouble (1998: AS\$56.8 bilion). Pelaksanaan program bantuan IMF telah menyebabkan prestasi hasil yang bertambah baik dengan lebih akaun semasa Russia dijangka bertambah baik kepada AS\$11.4 bilion pada tahun 1999 berbanding AS\$2.3 bilion pada tahun 1998.

Prospek Tahun 2000

Berbanding setahun yang lalu, prospek ekonomi dunia dijangka lebih cerah. Keadan pasaran kewangan lebih tenang di sepanjang tahun 1999 di mana pasaran ekuiti pada amnya lebih memberangsangkan di kebanyakan negara perindustrian dan semakin pulih di rantau Asia Timur. Kesan krisis Russia ke atas Eropah adalah sementara manakala kesan krisis di Brazil hanya terhad kepada rantau Amerika Latin. Di kebanyakan negara Asia yang mengalami krisis, pemulihan ekonomi adalah lebih kukuh daripada yang dijangkakan. Proses penyesuaian yang berlaku di ekonomi-ekonomi baru muncul di Asia akan mempunyai kesan yang positif ke atas perdagangan sesama mereka dan ini akan menyokong proses pemulihan. Pemulihan keyakinan ke atas ekonomi dan aktiviti telah disusuli dengan peningkatan permintaan dalam negeri dan pada keseluruhannya pertumbuhan dijangka dapat terus dikekalkan sehingga akhir tahun 1999. Pertumbuhan di ekonomi-ekonomi baru muncul Asia dijangka bertambah kukuh pada tahun 2000 dan ini akan mencerahkan lagi prospek ekonomi global.

Berdasarkan keadaan ini dan kestabilan yang berterusan di pasaran kewangan, adalah diramal ekonomi global akan berkembang sebanyak 3.5% pada tahun 2000, sungguhpun prestasi di kalangan negara dan antara rantau adalah berbeza-beza. Selaras dengan peningkatan prospek ekonomi dunia ini, pertumbuhan perdagangan dunia diramal meningkat kepada 6.2%, sementara inflasi diramal terus menurun kepada 4.1%.

Di **negara-negara perindustrian**, aktiviti ekonomi diramal berkembang 2.5% dengan inflasi dijangka meningkat kepada 1.7%. Ekonomi **AS** diramal berkembang perlahan kepada 2.6% akibat dasar fiskal yang lebih ketat. Kadar pengangguran dijangka meningkat kepada 4.5% berikutan pengeluaran yang makin berkurangan. Dengan inflasi yang dijangka menjadi sederhana, kenaikan harga dalam negeri akan dapat dikurangkan. Pertumbuhan import juga dijangka berkurangan berikutan permintaan dalam negeri yang lemah, sebaliknya eksport dijangka meningkat secara beransur-ansur dengan pengukuhan pasaran-pasaran luar negeri. Memandangkan import terus melebihi eksport, defisit akaun semasa diramal meningkat kepada AS\$325 bilion.

Di sebalik perubahan sederhana pasaran kewangan **Jepun** dan pemulihan keyakinan pengguna dan perniagaan, pemulihan ekonomi Jepun yang mapan masih tidak menentu. Pertumbuhan ekonomi Jepun diramal di sekitar 1.5% sekiranya perubahan positif pelaburan perniagaan dan dasar-dasar sokongan ekonomi makro dapat dikekalkan. Dalam hubungan ini, pakej baru rangsangan sektor awam dijangka menjadi pemangkin bagi menentukan pemulihan ekonomi yang berkekalan. Walau bagaimanapun, peningkatan nilai yen beberapa bulan kebelakangan ini dijangka menghadkan sumbangan sektor luar kepada prospek pertumbuhan.

Aktiviti ekonomi di **Eropah** diramal meningkat perlahan-lahan dalam jangka masa terdekat dengan pertumbuhan penggunaan dan pelaburan yang mantap dan disokong oleh permintaan eksport yang tinggi terutamanya berikutan pemulihan ekonomi di Asia. Bagi kawasan Kesatuan Eropah, pertumbuhan dijangka meningkat kepada 2.7% pada tahun 2000, dengan inflasi terus stabil di sekitar 1.5%. Pengangguran di Kesatuan Eropah diramalkan terus menurun ke paras 8.8%. Pertumbuhan ekonomi **UK** diramal melonjak kepada 2.4% dipacu terutamanya oleh

pertumbuhan kukuh pelaburan awam. Inflasi diramal terus rendah, sementara pengangguran meningkat kepada 5.3%. Pertumbuhan pengeluaran di **Jerman** diramal meningkat kepada 2.5% selaras dengan pemulihan aktiviti ekonomi di Eropah serta peningkatan pertumbuhan perdagangan dunia. Kadar inflasi diramal terus dibendung pada paras 0.8% dengan kadar pengangguran menurun kepada 8.6%. Pertumbuhan ekonomi **Perancis** diramal kekal di paras yang lebih tinggi daripada negara-negara jiran utama lain, didorong oleh permintaan dalam negeri. Pertumbuhan KDNK diramal meningkat 3% dengan inflasi meningkat sedikit kepada 1.1% hasil daripada penstabilan harga minyak dan komoditi serta jurang pengeluaran yang kecil. Kadar pengangguran diramal menurun pada tahun 2000 kepada 10.7%, mencerminkan kesan positif undang-undang baru 35-jam-kerja seminggu dan lanjutan skim pengambilan belia bekerja.

Pertumbuhan ekonomi di **negara-negara membangun** diramal berkembang sebanyak 4.8% pada tahun 2000 dengan peningkatan ekonomi-ekonomi Asia berikutan pemulihan keseluruhan pertumbuhan ekonomi dunia. Pertumbuhan negara-negara ASEAN diramal kukuh berikutan peningkatan aktiviti ekonomi kebelakangan ini yang disusuli oleh permintaan dalam negeri yang semakin kukuh. Langkah-langkah ekonomi makro yang dilaksanakan dan usaha-usaha penstrukturan semula sektor kewangan dan korporat dijangka mengukuhkan lagi asas-asas ekonomi negara-negara individu serta menjana keyakinan para pelabur. Negara-negara ASEAN-4 diramal mencatat purata pertumbuhan KDNK yang kukuh sebanyak 3.6% pada tahun 2000.

Indonesia diramal keluar daripada kemelesetan yang dialami selama dua tahun yang lalu dan mencatat pertumbuhan positif menghampiri 2.6% pada tahun 2000, sementara kadar inflasi dijangka turun mendadak kepada 5.7%. Di **Filipina**, pelaksanaan agenda pembaharuan struktur yang berterusan akan menjana pertumbuhan sebanyak 3.5% dengan inflasi menurun kepada 6%. KDNK benar **Singapura** diramal berkembang 5%, dengan peningkatan ekonomi-ekonomi serantau dan langkah-langkah bersepadu yang diambil untuk membangunkan sektor perkhidmatan kewangan dan pembuatan. Harga pengguna diramal meningkat sedikit kepada 0.6%. Kemajuan yang dicapai oleh **Thailand** dalam melaksanakan pembaharuan ekonomi dan struktur dijangka

memberikan hasil dan pertumbuhan KDNK yang mapan sebanyak 4% pada tahun 2000. Sementara itu, peningkatan penggunaan dalam negeri dijangka mengakibatkan kenaikan kadar inflasi sebanyak 2% pada tahun 2000.

Prospek pertumbuhan ekonomi di **Asia Timur Laut** diramal semakin baik berikutan langkah-langkah pembaharuan struktural yang diperkenalkan semasa krisis telah membawa kesan kepada ekonomi. Pertumbuhan ekonomi **China** diramal perlahan sebanyak 6% disebabkan deflasi yang dijangka mempunyai kesan negatif ke atas pendapatan dan pertumbuhan. Di **Korea Selatan**, pertumbuhan ekonomi diramalkan terus kukuh tetapi pada kadar yang lebih rendah sebanyak 5.5%. Pertumbuhan KDNK **Taiwan** diramal meningkat kepada 5.1% didorong oleh pembinaan semula yang rancak selepas gempa bumi dan keadaan rantau Asia yang bertambah baik. Pertumbuhan ekonomi **Hong Kong SAR** pula diramal mencapai 3.6% hasil daripada pertumbuhan perdagangan luar yang positif, peningkatan eksport ke beberapa negara Asia Timur dan pertambahan permintaan dalam negeri.

Ekonomi-ekonomi **Amerika Latin** diramal kembali kukuh pada tahun 2000 dengan kadar pertumbuhan keseluruhan sebanyak 3.9% di persekitaran harga pengguna yang menurun. Ekonomi negara-negara yang mengalami kemelesetan iaitu **Argentina**, **Brazil** dan **Venezuela** diramal pulih dengan kadar pertumbuhan KDNK masing-masing sebanyak 1.5%, 4% dan 1.6%. Ekonomi **Mexico** pula diramal berkembang sebanyak 5% hasil daripada langkah-langkah dasar ekonomi dan struktur yang dilaksanakan bagi mengekalkan corak pertumbuhan yang mantap. Kadar inflasi bagi rantau tersebut diramal menurun kepada 7.6% disebabkan dasar-dasar kewangan yang ketat. Di peringkat negara individu, kadar inflasi diramal sebanyak 0.6% bagi **Argentina**, 4.8% bagi **Brazil**, 11.2% bagi **Mexico** dan 17.3% bagi **Venezuela**.

Pertumbuhan ekonomi di **Timur Tengah** diramal mencatat 3.1% memandangkan harga minyak yang dijangka stabil dengan itu menjurus kepada peningkatan pendapatan. Di **Afrika**, pertumbuhan dijangka meningkat dengan ketara kepada hampir 5%, antaranya disebabkan pembaharuan struktural yang dilaksanakan di beberapa negara dan juga peningkatan ketara pengeluaran pertanian. **Ghana**, **Tunisia** dan **Uganda** diramal mencatat

pertumbuhan yang memberangsangkan di antara 6% dan 7% disebabkan pemulihan pengeluaran pertanian dan peningkatan permintaan import daripada pasaran Amerika Syarikat dan Eropah. Pertumbuhan di **Asia Selatan** diramal meningkat di antara 4% dan 5.5% dengan **India**, **Pakistan** dan **Bangladesh** terus menunjukkan perkembangan ekonomi yang baik, hasil daripada dasar-dasar ekonomi yang kukuh.

Di **Russia**, pertumbuhan KDNK diramal meningkat kepada 2% didorong oleh kemajuan yang dicapai pada separuh kedua tahun 1999 dan hasil pelaksanaan program penstabilan dan pembaharuan ekonomi.

Cabaran-cabaran Masa Depan

Walaupun pada umumnya prospek jangka pendek ekonomi global dijangka cerah, masih terdapat cabaran-cabaran penting yang perlu ditangani. Ketidakstabilan ekonomi makro telah berlarutan di kebanyakan ekonomi dunia dan pertumbuhan yang tidak seimbang di kalangan negara perindustrian utama merupakan satu perkara yang membimbangkan. Kebanyakannya bergantung kuat kepada bila dan sejauh mana perlahannya pertumbuhan di AS serta keupayaan Jepun dan Eropah untuk mengekalkan pertumbuhan kukuh dan dengan itu menyokong aktiviti ekonomi global. Beberapa bulan kebelakangan ini, kebimbangan terhadap kedudukan hutang luar AS yang semakin besar telah menyebabkan tekanan ke atas nilai dolar. Pelaksanaan lebih awal dasar kewangan yang ketat boleh menyebabkan kejatuhan ketara harga pasaran saham, walaupun keadaan ini dapat diimbangkan oleh kepelbagaian pelaburan portfolio dari pasaran AS memandangkan pemulihan pertumbuhan yang sedang dinikmati oleh negara-negara lain.

Di pasaran kewangan global, terdapat kemungkinan tindakbalas negatif disebabkan kurangnya kepastian mengenai persediaan menghadapi pepijat alaf (Y2K). Kegagalan menguruskan pertukaran tarikh komputer akan mempunyai kesan secara langsung ke atas aktiviti ekonomi melalui gangguan kepada pengeluaran di sektor-sektor utama dan perubahan aliran modal.

Walaupun keadaan di pasaran kewangan semakin baik, beberapa negara pasaran baru muncul masih rapuh dan mudah terjejas akibat perubahan sentimen pasaran. Kekukuhan pemulihan ekonomi mereka akan tergugat sekiranya ekonomi AS mengalami pertumbuhan yang perlahan tanpa diimbangi oleh peningkatan ketara ekonomi Jepun dan pengukuhan berterusan ekonomi Eropah. Sehingga kini, lonjakan semula ekonomi Jepun belum dapat dipastikan, memandangkan prestasi yen yang kukuh sejak bulan Julai. Kerajaan Jepun terus menghadapi cabaran-cabaran yang bukan sahaja melibatkan persoalan mengenai tahap dan bentuk sokongan seterusnya untuk mengekalkan pemulihan, tetapi juga keperluan untuk mengimbangi objektif jangka pendek dan jangka panjang. Untuk menyokong permintaan dalam negeri dan penyesuaian ekonomi, Kerajaan Jepun dijangka meneruskan usaha merangsang ekonomi, sekurang-kurangnya sehingga pemulihan permintaan swasta menjadi mantap. Sebaliknya, defisit besar yang dialami semasa kemelesetan ekonomi telah membangkitkan kebimbangan mengenai pengendalian arah aliran tersebut yang seterusnya akan memberi tekanan ke atas kadar faedah jangka panjang.

Di kebanyakan kawasan euro, penyatuan fiskal sejak tahun 1997 hanya mencapai sedikit kemajuan sementara beban cukai menghampiri paras tertinggi. Untuk memastikan kedudukan kewangan kerajaan yang lebih kukuh dan meningkatkan prospek mengembalikan pertumbuhan yang

mapan, kebanyakan negara perlu memansuhkan secara beransur-ansur defisit struktural mereka. Manakala bagi negara-negara yang mengalami beban hutang yang besar atau demografi yang kurang baik, usaha perlu diambil untuk mencatat lebih struktural. Pengurangan defisit dan beban cukai yang diperlukan untuk meningkatkan insentif pengambilan pekerja dan pewujudan peluang pekerjaan, memerlukan pembaharuan yang meluas bagi membendung pertumbuhan perbelanjaan khususnya subsidi, pencen dan kebajikan.

Cabaran yang dihadapi oleh negara-negara ASEAN adalah untuk mengekalkan pemulihan dalam jangka masa panjang. Perkembangan ekonomi yang bertambah baik baru-baru ini, kos tinggi yang terlibat untuk memulihkan sektor perbankan dan defisit sektor awam yang besar mungkin akan melemahkan sokongan terhadap agenda penstrukturan semula kewangan dan korporat. Komitmen politik yang tinggi adalah perlu untuk memastikan proses pembaharuan berjalan lancar dan proses pertumbuhan ekonomi berada di landasan yang betul. Selain itu, krisis yang baru berlalu telah menyebabkan banyak negara ASEAN mengalami kapasiti yang berlebihan, paras pengangguran yang tinggi dan hutang kerajaan dan kadar kemiskinan yang meningkat. Adunan dasar-dasar ekonomi dan sosial yang sesuai perlu dilaksanakan untuk memastikan pemulihan berterusan yang mampu menghadapi sebarang kejutan ekonomi makro pada masa akan datang.